

NASKHAH PERCUMA

قربانن كمالوان اقصادنكرى كلنن

# PKINK



PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN

PENGGERAK PEMBANGUNAN UMMAH

BIL 2 / APRIL - JUN 2011

[www.pkink.gov.my](http://www.pkink.gov.my)

Perbadanan sertai  
THAIFEX 2011

Cawangan Terbaru  
Ar-Rahn di Jeli

Perdana Resort  
belanja RM600 ribu  
tingkatkan prasarana

Konvensyen Program  
Usahawan Muda (PUM)

Kematian orang-  
orang soleh

**Nilai hartanah Kota Bharu  
kian melonjak**





## SIDANG EDITOR

### PENAUNG

Hj. Mohd Sabri b. Abdullah  
*Ketua Eksekutif*

### KETUA EDITOR

Hj. Mohd Adilan b. Mat Jusoh  
*Pengurus Pengurusan Sumber Manusia*

### TIMBALAN KETUA EDITOR

Mohd Roslan b. Mohd Zain  
*Penolong Pengurus Pengurusan Sumber Manusia*

### WARTAWAN

A. Ubaidillah Alias  
Tengku Petra Tengku Wook  
Pn. Sofia Aizan bt. Che Soh  
Pn. Zakiah bt. Mohamed  
Pn. Hawa bt. M.Salleh  
Ramli b. Hamzah

### JURUGAMBAR / PENGEDARAN

**Tuan Hissam Tuan Mamat**

### PENERBITAN

Unit Perhubungan Korporat  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan  
Tingkat 8-11, Bangunan PKINK  
Jalan Tengku Maharani,  
15710 Kota Bharu,  
Kelantan  
Tel: 09-7414141  
Fax: 09-7414069

### PERCETAKAN

Dian Darulnaim Sdn. Bhd.



## *Selembar Amanat*

*Dari meja Ketua Editor*

Assalamualaikum wrt wbt

Saya ingin menarik perhatian seluruh anggota PKINK terhadap madrasah Ramadhan yang hadir sekali dalam setahun. Ia adalah satu medan untuk memperbaiki diri dan mempertingkatkan kualiti jiwa. Bukan dari aspek rohani semata-mata, malah dari aspek kompetensi dan integriti. Kerana amalan berpuasa telahpun dibatasi dengan pantang larang yang ketat. Di situ, wujudnya elemen tarbiyah yang tinggi ke atas jiwa seorang muslim.

Kita sering merujuk buku-buku motivasi barat dalam membina karekter seorang pekerja yang cekap. Kita sering bertanya kepada pandangan manusia dalam hal-hal pengurusan. Namun, kita lupa bahawa Allah SWT telah memberikan satu method tarbiyah yang cukup efektif dalam melahirkan watak berkualiti. Menerusi Ramadhan dan juga ibadat di dalamnya, ia cukup berkesan untuk membina jatidiri dan integriti seandainya dihayati dengan baik. Malangnya, tidak ramai yang bersungguh-sungguh dalam menghayati falsafah Ramadhan.

Dalam suatu hadis riwayat Imam Ahmad dan an-Nasai daripada Abi Hurairah r.a sabda Rasulullah s.a.w: "Puasa merupakan perisai". Dan daripada Usman bin Abi al-As, "Puasa merupakan perisai daripada neraka seperti perisai seseorang daripada kamu pada masa peperangan selama mana ia tidak mengoyaknya dengan berdusta atau mengumpat". Al-Baihaqi meriwayatkan daripada Usman bin Abi al-As, puasa merupakan perisai daripada azab Allah.

Perisai hanya terbangun apabila orang yang berpuasa menjaga pantang larang serta disiplin sewaktu berpuasa. Dengan menjaga anggota tubuh badan dari melakukan maksiat, serta mengawal pancaindera daripada medekati dosa, maka itulah syarat utama untuk mendapat perlindungan daripada api neraka. Mereka yang menjaga disiplin ini dalam kehidupan bekerjaya akan pasti menjadi seorang pekerja ataupun majikan yang dihormati.

Al-Dailami meriwayatkan daripada Ibn Umar katanya: "Diam orang puasa merupakan tasbih, tidurnya adalah ibadat, doanya mustajab dan amalannya digandakan". Ini juga memperlihatkan bagaimana puasa mampu mengawal lisan dan perilaku seseorang muslim. Ia membantu seseorang membina karekter dan peribadi yang lebih mesra dan sejahtera. Bukan menjadi punca perbalahan atau batu api di dalam agensi.

Imam Ahmad, al-Tirmidzi dan al-Baihaqi meriwayatkan daripada Ummi Imarah: "Sesungguhnya orang yang berpuasa apabila makan sentiasalah malaikat berselawat keatasnya sehingga selesai makanannya". Sudah terang lagi bersuluh, kelebihan itu tidak terhenti sewaktu berpuasa semata-mata malah ketika berbuka juga kita diberi pahala oleh Allah SWT.

Sesungguhnya kita bertuah menjadi umat Muhammad SAW kerana hidup bersyariatkan Islam yang syumul dan komprehensif. Semoga kita akan mampu menghayati Ramadhan dengan sebaik-baiknya pada tahun ini dan tahun mendatang. Insha Allah.

**HJ MOHD ADILAN BIN MAT JUSOH**  
**Pengurus Pengurusan Sumber Manusia**  
**PKINK**



- |           |   |           |   |           |  |
|-----------|---|-----------|---|-----------|--|
| <b>2</b>  | Sidang Editor & Dari Meja Ketua Editor                        | <b>14</b> | Nilai hartanah Kota Bharu kian melonjak               | <b>22</b> | Seminar Ahli Lembaga Pengarah (ALP)                            |
| <b>4</b>  | Perutusan Ramadhan 1432/2011 Ketua Eksekutif PKINK            | <b>17</b> | Mesyuarat Agung KSK PKINK                             | <b>23</b> | Bapa main peranan bersama dalam mengukuhkan institusi keluarga |
| <b>5</b>  | PKINK Terima Kunjungan Delegasi Senator Negeri Pakatan Rakyat | <b>17</b> | Mesyuarat Agung Koperasi PKINK                        | <b>24</b> | Bila hati diselubungi kemunafiqan                              |
| <b>6</b>  | Perbadanan sertai THAIFEX 2011                                | <b>18</b> | PKINK anjur kursus 9 Tabiat Ihsan Ehsan               | <b>26</b> | Kematian orang-orang soleh                                     |
| <b>7</b>  | Mesyuarat IMT-GT Join Business Council                        | <b>19</b> | Sambutan Hari Ibu oleh KEKWA                          | <b>28</b> | PKINK tawan Gunung Irau Cameron Highland                       |
| <b>8</b>  | Cawangan terbaru Ar-Rahn di jeli                              | <b>19</b> | Lawatan Mahabbah ke KELKON Sdn Bhd                    | <b>29</b> | PKINK tawan Gunung Stong                                       |
| <b>10</b> | PKINK lawat MOF, MPC & PKNS                                   | <b>19</b> | Program Usahawan Internet di makmal siber             | <b>30</b> | Pasukan futsal PKINK menang bergaya                            |
| <b>12</b> | Ekspedisi Sayangi Bunga Rafflesia di Lojing                   | <b>20</b> | Ancaman Penggodam                                     | <b>30</b> | Kejohanan Bowling Erat Kasih 2011                              |
| <b>13</b> | Perdana Resort belanja RM600 ribu tingkatkan prasarana        | <b>21</b> | Seminar Halalan Toyyiba Negeri Kelantan 2011          | <b>31</b> | Sukan persahabatan antara PKINK dengan MPKB-BRI                |
|           |   | <b>21</b> | Konvensyen Program Usahawan Muda (PUM)                |           |  |
|           |   | <b>22</b> | Program Pra Konvensyen Mini Peringkat Zon Tanah Merah |           |  |



# PERUTUSAN RAMADHAN 1432/2011

## KETUA EKSEKUTIF PKINK

**T**idak berapa lama lagi, kita akan didatangi tetamu agung yang ditunggu-tunggu selama 11 bulan lamanya. Tetamu itu adalah bulan Ramadhan al-Mubarak, bulan Al-Quran, bulan yang penuh dengan keberkatan. Di dalamnya terdapat satu malam yang lebih baik dari seribu bulan. Bulan yang dipenuhi dengan kerahmatan, keampunan dan kebebasan dari api neraka. Bulan yang dirindukan kedatangannya dan ditangisi kepergiannya oleh orang-orang yang soleh.

Pada bulan inilah kaum muslimin akan melakukan pengembaraan rohani dengan mengekang nafsu syahwat dan mengisi ruang waktu dengan amal-amal soleh. Kesemuanya bermatlamatkan untuk mendapatkan ketaqwaan sebagai sebaik-baik bekalan untuk menemuiNya nanti. Untuk mencapai tujuan tersebut, kita perlu melengkapkan diri dengan beberapa persediaan supaya kedatangan Ramadhan dapat diisi dengan sebaik-baiknya.

### PERANCANGAN SAMBUTAN RAMADHAN

#### **1 Merencanakan Peningkatan Prestasi Ibadah (Syahrul'Ibadah)**

Ibadah Ramadhan dari tahun ke tahun seharusnya meningkat. Tahun ini sepatutnya lebih baik dari tahun lepas. Ibadah Ramadhan yang bakal kita lakukan seharusnya lebih berkualiti dan memberikan impak yang positif. Di antara bentuk-bentuk peningkatan amal ibadah seseorang muslim di bulan Ramadhan adalah penambahan kuantiti dan kualiti solat malam (qiamullail), tilawah Al-Quran, hafalan, pemahaman dan pengamalannya.

Peningkatan dalam aktiviti sosial seperti: infak (sedekah), memberi makan kepada jiran tetangga dan fakir-miskin, santunan terhadap anak yatim, bantuan kewangan terhadap pelajar yang memerlukan dan lain-lain. Kita juga boleh merancang untuk mengurangi pola hidup kepenggunaan yang melampau dan membazir dan memantapkan tekad untuk menyokong dan

membantu usahawan atau menggunakan perkhidmatan mereka.

#### **2 Menjadikan Ramadhan sebagai Syahrul Taubah (Bulan Taubat)**

Bulan Ramadhan adalah bulan di mana syaitan dibelenggu, hawa nafsu diikat, pintu neraka ditutup dan pintu syurga dibuka. Bulan Ramadhan adalah bulan yang paling afdal untuk bertaubat dan memulakan hidup baru dengan langkah-langkah yang lebih Islami. Taubat berarti meninggalkan kemaksiatan, dosa dan kesalahan serta kembali kepada fitrah kebenaran. Atau kembalinya hamba kepada Allah SWT, meninggalkan jalan orang yang dimurkai dan jalan dan jalan orang yang sesat.

Oleh kerana itu, pada bulan Ramadhan, orang-orang beriman seharusnya memperbanyakkan istighfar, mengakui kesalahan dan meminta maaf terutama kepada sesama manusia yang dizaliminya serta mengembalikan hak-hak mereka. Taubat dan istighfar menjadi syarat utama untuk mendapatkan keampunan dan kerahmatan Tuhan.

Jadikan bulan ini sebagai tempat membersihkan hati dan jiwa dengan menghubungkan silaturrahim. Memberi kemaafan kepada orang lain juga adalah satu langkah penting dalam proses menyucikan diri dari segala belenggu dosa.

#### **3 Menjadikan bulan Ramadhan sebagai Bulan Mendidik (Syahrul Tarbiyah) & Dakwah**

Bulan Ramadhan harus dimanfaatkan sebaik-baiknya oleh kita semua untuk melakukan dakwah dan tarbiyah. Mereka pastinya melipatgandakan usaha melakukan gerakan reformasi (harakatul islah) dan memperkasakan ukhuwwah Islamiah sesama muslim dan insan.

Mereka juga berusaha gigih meningkatkan kepekaan masyarakat untuk menolak sebarang bentuk kezaliman dan kemaksiatan, menyebarkan syiar Islam dan meramaikan masjid dengan aktiviti ta'lim, kajian kitab, diskusi dan ceramah



sehinggalah tercapainya perubahan-perubahan yang bermakna dalam seluruh aspek kehidupan.

Ramadhan bukan bulan istirehat yang menyebabkan mesin-mesin kebaikan terhenti berkerja, bahkan momentum tahunan terbesar untuk segala jenis kebaikan. Dan dominasi kebaikan bukan hanya di bulan Ramadhan, tetapi juga bulan-bulan selepas Ramadhan.

#### **4** **Menjadikan Ramadhan sebagai Syahrul Muhasabah** (Bulan Penilaian)

Dan terakhir, semua ibadah Ramadhan yang telah dilakukan tidak boleh terlepas dari muhasabah atau evaluasi. Muhasabah terhadap langkah-langkah yang telah kita lakukan dengan sentiasa menajamkan mata hati (bashirah), sehingga kita tidak menjadi orang/kelompok yang selalu mencari-cari kesalahan orang/kelompok lain. Semoga Allah SWT menerima puasa yang bakal kita laksanakan dan mudah-mudahan tarhib ini dapat membangkitkan semangat beribadah kita sekalian sehingga terbuka peluang bagi mewujudkan negeri Kelantan yang lebih berkat, labih aman, lebih adil dan sejahtera.

#### **BEBERAPA TIPS PILIHAN SEBELUM MENGHADAPI RAMADHAN**

Banyakkan berpuasa di bulan Sya'aban. Adalah menjadi sunnah Nabi s.a.w memperbanyakkan berpuasa di bulan Sya'aban.

Mengulangkaji ilmu tentang puasa. Untuk mencapai puasa yang sempurna, kita hendaklah memiliki ilmu tentang bagaimana melaksanakan puasa yang sebenarnya sebagaimana yang dituntut oleh syara'. Antara perkara yang perlu diulangkaji ialah:

1. Rukun-rukun puasa serta sunat-sunatnya.
2. Perkara-perkara yang membatalkan puasa.
3. Perkara-perkara yang boleh mengurangkan pahala puasa.
4. Dan segala yang berkaitan dengan ibadah puasa.
5. Membaca kembali hadis-hadis Nabi s.a.w tentang fadhilat (kelebihan) puasa dan bulan Ramadhan.

Mengetahui amalan-amalan utama di bulan Ramadhan. Dengan mengetahui amal-amal ibadah atau amal-amal kebajikan yang amat digalakkan oleh Allah dalam bulan Ramadhan di mana ganjarannya amat besar dan berlipat-ganda, kita akan jadi lebih bersemangat dan berstamina tinggi untuk melaksanakan amalan-amalan tersebut dengan sebaik mungkin.

Memahami matlamat tertinggi dalam keperibadatan puasa adalah taqwa. Taqwa terpancar dalam keperibadian diri yang konsisten dan berterusan sepanjang dan selepas bulan Ramadhan.

#### **PENUTUP**

Sebagai penutup, jangan sesekali dilupakan untuk memperbanyakkan doa untuk keampunan, hidayah serta kemajuan dan peningkatan prestasi Perbadanan dalam meningkatkan pembangunan ekonomi ummah.

Salam Ramadhan!

**HJ MOHD SABRI BIN HJ ABDULLAH**

**Ketua Eksekutif**

**Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK)**



## **PKINK terima kunjungan delegasi senator negeri Pakatan Rakyat**

Oleh: Tuan Hissam Tuan Mamat

**KOTA BHARU-** Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) telah menerima kunjungan Delegasi YB Senator Negeri Pakatan Rakyat pada 21 Jun lalu yang terdiri daripada 8 orang YB Senator di Bangunan PKINK di sini.

Lawatan kerja tersebut bertujuan bagi mendapatkan maklumat tentang PKINK serta ingin mengenali dengan lebih dekat lagi mengenai peranan yang dimainkan oleh PKINK sebagai agensi pembangunan ekonomi negeri Kelantan.

Kunjungan ini juga lebih kepada sesi perbincangan dan bertukar-tukar maklumat di antara kedua-dua belah pihak. Taklimat ringkas mengenai PKINK telah disampaikan oleh Ketua Eksekutif Kumpulan, Hj Mohd Sabri Abdullah, sementara taklimat korporat PKINK telah disampaikan oleh Pengurus Perancangan Korporat, Pn Nik Farzimat bt Nik Omar. 🌟





# THAIFEX - World of Food Asia 2011

## Perbadanan sertai **THAIFEX 2011**

**THAIFEX 2011** merupakan acara tahunan yang telah dianjurkan oleh Kerajaan Thailand dengan kerjasama beberapa kementerian, agensi, pertubuhan serta badan-badan perniagaan yang bukan sekadar berperanan untuk memperkenalkan dan mencari pasaran bagi produk-produk makanan yang telah dikeluarkan oleh syarikat-syarikat dan pengusaha-pengusaha Thailand bahkan melalui program ini juga pengusaha-pengusaha dari negara-negara luar dijemput untuk turut mengambil bahagian bagi memperkenalkan produk-produk mereka malah menembusi pasaran Thailand secara langsung bahkan mendapatkan jaringan niaga dengan para peungusaha dari lain-lain negara yang turut mengambil bahagian.

THAIFEX 2011 dengan tema 'WORLD OF FOOD' telah diadakan di Impact Exhibition Centre, Muang Thong Thani, Bangkok dari 25 hingga 29 Mei 2011. Memang menakjubkan, pameran ini telah disertai lebih 3,000 syarikat atau pempamer dari seluruh dunia. Biarpun penyertaannya ramai, mereka yang telah kerap menyertainya telah pun menetapkan kumpulan sasar mereka sendiri. Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan melalui Bahagian Pembangunan Usahawan buat julung-julang kali telah turut mengambil bahagian pada tahun ini.

Sebagai pendedahan awal, banyak perkara yang boleh dipelajari dan banyak pengalaman yang boleh diperolehi samada kebaikan mahupun permasalahan yang perlu ditempuhi. Apa yang jelas adalah sikap masyarakat Thai amat menghargai barangan keluaran negara mereka dan agak tertutup untuk menerima barangan atau produk dari negara luar. Rasional dan lojiknya memang ada. Mereka lebih



kreatif dan inovatif dalam menghasilkan pelbagai produk biarpun berasaskan dari satu bahan sumber. Mereka juga sentiasa terkehadapan dari segi teknik pembungkusan dan dan pelabelan lantas menjadikan produk mereka sering mendapat perhatian dan mampu bersaing di pasaran terbuka.

Kami dari Bahagian Pembangunan Pembangunan Usahawan yang mengikut sepenuhnya pameran ini telah mampu mengenalpasti beberapa kaedah yang pasti berkesan untuk membolehkan produk-produk kita mendapat perhatian sekaligus menembusi pasaran Thailand, tak kiralah bahagian mana yang akan pergi kelak.

Kesimpulannya, kita memang boleh berurusan dengan pengusaha Thai



- i. Kita perlu membuat persediaan setahun lebih awal daripada tarikh pameran.
- ii. Memberi tumpuan dalam penghasilan produk-produk yang menjadi kegemaran masyarakat Thai iaitu Kopi Segera 3 dalam 1, Bak Kut Teh, Rempah Beriani Segera & Pedas, Serunding Pedas serta Keropok Segera Pedas.
- iii. Masyarakat Thai lebih konfiden dengan penerangan yang disampaikan dalam bahasa Thai berbanding dalam bahasa Inggeris walaupun mereka boleh memahaminya.

tetapi untuk mencapai tujuan tersebut kita perlu sebagai agensi pengendali yang bertanggungjawab membimbing, memantau dan mempromosikan produk-produk mereka perlu bersedia dari sekarang apatah lagi gerai-gerai dan promosi THAIFEX untuk tahun 2012 telahpun dibuka untuk tempahan bagi tahun 2012. 🍵

# Mesyuarat **IMT-GT** Join Business Council

**IMT-GT** merupakan satu Gagasan Perniagaan serantau yang membabitkan negara-negara Indonesia, Malaysia dan Thailand. Siri-siri mesyuarat yang melibatkan gagasan ini telah diadakan secara pusingan dimana setiap negara ahli secara automatik akan menjadi tuan rumah apabila samap gilirannya. Pada tahun ini tibalah pula giliran negeri Kelantan untuk menjadi tuan rumah yangmana mesyuarat tersebut telah diadakan di Dewan Puteri Saadong, Hotel Grand River View, Kota Baharu. Mesyuarat kali ini telah dihadiri seramai 120 orang delegasi yang mewakili 3 buah negara anggota. Menerusi mesyuarat tersebut, banyak perkara yang telah dibincangkan demi untuk kebaikan nagara-negara anggota. Apa pun, peluang-peluang kerjasama perniagaan bagi menjamin pasaran pelbagai produk yang dikeluarkan oleh setiap negara anggota tetap menjadi agenda utama.



Bagi menambah meriah bahkan sebagai hebahan tidak langsung kepada masyarakat setempat tentang mesyuarat tersebut yang berlangsung di negeri ini, ekspo pameran dan jualan produk dari negara-negara terbabit telah diadakan di Dataran Kota Sultan Ismail selama 4 hari dan tentunya tidak ada kekecewaan dikalangan pempamir kerana produk-produk yang mereka pamer dan jualan disepanjang ekspo tersebut berlangsung telah mendapat sambutan yang amat menggalakan.

Sebagai sokongan kepada mesyuarat yang berlangsung dan ekspo yang diadakan, Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan melalui Bashagian Pembangunan Usahawan telah menaja seramai 20 orang usahawan bimbingan untuk turut serta. SYABAS. 🙏





# Cawangan terbaru Ar-Rahn di Jeli

Oleh: Tuan Hissam Tuan Mamat

**JELI:** Penubuhan sistem perbankan konvensional dan sistem perbankan Islam berikutnya, tidak mencakupi keseluruhan serata masyarakat Melayu, terutamanya di desa. Oleh itu, Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) melalui anak syarikatnya, Permodalan Kelantan Berhad (PKB) mewujudkan Pusat Gadaian Islam (Ar-Rahn) sebagai syarikat atau institusi gadaian Islam terawal di Malaysia dalam memenuhi tuntutan syariah.

Setakat ini, PKB selangkah ke hadapan dengan kejayaan menubuh 25 cawangan Ar-Rahn di seluruh negara termasuk Kota Kinabalu, Sabah dan yang terkini di jajahan ini.

Perkembangan ini membuktikan masyarakat sekarang lebih mengutamakan sistem kewangan Islam berbanding sistem konvensional.

Menteri Besar, Tuan Guru Dato' Bentara Setia, Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata demikian sewaktu berucap merasmikan cawangan ke-25 Ar-Rahn di jajahan ini pada 27 April lalu.

Katanya, Pinjaman al-Qardhul Hassan iaitu pinjaman tanpa faedah yang dilaksanakan dalam sistem gadaian Islam benar-benar memikat hati masyarakat tanpa mengira agama dan bangsa.



Berucap dalam majlis yang sama, Timbalan Exco Kerajaan Tempatan, Pelancongan dan Kebudayaan, Ustaz Abdullah Ya'kub berkata, Ar-Rahn Cawangan Kota Kinabalu turut mendapat sokongan masyarakat bukan Islam.

Katanya, dengan modal sebanyak RM3 juta, Ar-Rahn banyak membantu masyarakat di negeri itu yang memerlukan wang sama ada untuk kegunaan peribadi atau modal perniagaan.

"Alhamdulillah dengan perkembangan ini, kita akan memperluaskan lagi cawangan Ar-Rahn ke negeri-negeri lain," katanya.

Turut hadir pada majlis tersebut, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerjaya, Utiliti dan Alam Sekitar, Dato' Mejar (B) Md. Anizam Abd Rahman, Ketua Eksekutif PKINK, Haji Mohd Sabri Abdullah, pengurus-pengurus besar anak syarikat PKINK termasuk wakil Ar-Rahn dari Sabah.

Sempena majlis tersebut juga, 126 penduduk daripada 63 buah kampung dalam Dun Ayer Lanas, Dun Kuala Balah dan Dun Bukit Bunga menerima sumbangan daripada PKB.

PKB turut memberi sumbangan kepada enam pesakit kronik daripada tiga Dun terbabit. 🍌







# AR-RAHN

Sistem Gadaian Islam



## Keistimewaan Ar-Rahn

Sistem yang mematuhi syariat islam. Dengan itu umat islam terlepas dari dosa riba. Insya Allah.

Hutang tanpa faedah

Kadar upah simpan barang yang amat berpatutan.

Penggadai dimaklumkan sebelum gadaian dilelong

Penggadai diberi jaminan mendapat kembali wang lebihan selepas ditolak hutang, upah dan kos lelongan.

## Waktu Operasi

HARI	WAKTU
Ahad - Rabu	8.30 pagi - 4.30 petang
Khamis	8.30 pagi - 4.15 petang
Rehat	1.00 tengahari - 2 petang

## Cawangan Ar-Rahn

**KELANTAN:** Kota Bharu 1 09-7414400 Tanah Merah 09-9502990 Rantau Panjang 09-7953949 Pasir Mas 09-7900500 Jelawat 09-7787060 Machang 09-9750050 Wakaf Bharu 09-7185555 Guchil 09-9602242 Wakaf Che Yeh 09-7414411 Kota Bharu 2 09-7414322 Gua Musang 09-9120440 Jeli 09-9440255 Kok Lanas 09-7880130 **KUALA LUMPUR:** Raja Laut 03-26933433 Sentul 03-40431262 **SELANGOR:** Kajang 03-87361517 Rawang 03-60928441 **PERLIS:** Kangar 04-9763525 **KEDAH:** Alor Setar 04-7352831 Sungai Petani 04-4200300 **PAHANG:** Temerloh 09-2901977 Raub 09-3501310 Bentong 09-2201414 Kuantan 09-5134345 **PULAU PINANG:** Bayan Baru 04-6402421

# PKINK lawat MOF, MPC dan PKNS

**BAGI** menghidupkan lagi kempen Persekitaran Berkualiti 5S di kalangan anggota-anggota Perbadanan, pihak urusetia Jawatankuasa Induk telah mengadakan satu lawatan sambil belajar ke Kuala Lumpur bagi menyuntik semangat dalam melaksanakan program 5S di PKINK.

Lawatan tersebut telah diadakan pada 27 hingga 30 April 2011 dan disertai oleh 46 orang anggota Perbadanan. Lawatan ilmiah ini antara lain bertujuan memberi peluang kepada anggota menimba ilmu secara tidak formal dan meningkatkan ilmu



pengetahuan dari lawatan yang diadakan di samping memberi pendedahan kepada anggota mengenai budaya kerja organisasi yang dilawati. Selain itu, lawatan ini juga dapat meneroka satu jalinan hubungan di antara PKINK dengan agensi, jabatan dan badan-badan yang dilawati.

Pada hari pertama lawatan, anggota Perbadanan telah melawat Kementerian Kewangan, Bahagian Dasar Saraan, Wang Awam & Khidmat Pengurusan pada sebelah pagi dan mengikuti taklimat dari Bahagian Dasar Saraan, Wang Awam & Khidmat Pengurusan serta taklimat dari Bahagian Pinjaman Perumahan.



Pihak Perbadanan juga telah berkesempatan mengadakan lawatan ke Ibu Pejabat Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) di Petaling Jaya, Selangor pada 28 April. Lawatan ke MPC bertujuan untuk melihat dengan lebih dekat peranan dan tanggungjawab MPC terutama dalam program 5S.

Sementara itu, rombongan juga telah mengadakan kunjungan ke Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) pada 29 April 2011. Rombongan telah disambut meriah oleh Pegawai-Pegawai Kanan



PKNS di Kompleks PKNS Shah Alam dan telah mengikuti taklimat khas berkenaan projek-projek perumahan kendalian PKNS di negeri Selangor. Rombongan PKINK juga telah berkesempatan melawat beberapa projek pembangunan hartanah PKNS di kawasan sekitar Shah Alam termasuk Projek Alam Nusantara Presint 12, Seksyen U13 Shah Alam.

Adalah diharapkan, melalui lawatan ini, anggota PKINK diharapkan dapat mengambil peluang bagi meningkatkan potensi dan motivasi diri dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab di pejabat dengan lebih tekun, selaras dengan prinsip-prinsip Ubudiyah, Mas'uliyah dan Itqan. 🙏



## Ekspedisi Sayangi Bunga Rafflesia di Lojing

Oleh: Tuan Hissam Tuan Mamat

**KOTA BHARU** - Negeri Kelantan mempunyai jumlah kawasan hutan yang luas iaitu 894,271 hektar (ha). Daripada kawasan seluas ini, 108,783 ha telah diwartakan sebagai Taman Negara atau Hutan Simpan.

Namun demikian, adalah didapati bahawa segala keindahan alam semulajadi di negeri Kelantan ini belum dibangun dan dipromosi secukupnya. Industri pelancongan di negeri ini terutamanya pelancongan alam semulajadi belum begitu terserlah berbanding dengan negeri-negeri lain. Kebanyakan kawasan pelancongan alam semulajadi yang dibangun adalah untuk kegunaan dan hanya mampu menarik penduduk tempatan dan pelancong domestik sahaja.

Terdapat pelbagai tempat yang berpotensi untuk dikembangkan bagi menarik pelancong ke Kelantan antaranya pantai, jeram, gunung-ganang, gua, tasik, Taman Negara Kuala Koh dan Tanah Tinggi Lojing.

Daripada senarai sumber pelancongan alam semulajadi yang ada, didapati bahawa bunga Rafflesia yang wujud di Lojing, Gua Musang mampu dipromosikan sebagai satu ikon pelancongan bertaraf antarabangsa dan seterusnya membuka satu dimensi baru pelancongan di Kelantan.

Kawasan seluas 650 hektar di Tanah tinggi Lojing di pedalaman negeri ini perlu dijadikan kawasan pemuliharaan warisan negara dan dunia kerana terdapat populasi bunga Rafflesia Kerrii yang terbesar.

Kawasan tersebut telah dikenal pasti oleh pasukan penyelidik Universiti Malaysia Kelantan (UMK) yang diketuai oleh Pensyarah Kanan Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli, Zulhazman Hamzah pada 2008. Langkah itu akan menjadi kenyataan kerana bimbang dengan keadaan pembangunan di Cameron Highlands yang semakin menghimpit habitat spesies bunga terbesar di dunia itu.

Oleh itu, Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) melalui Biro Rekreasi Kelab Sukan dan Kebajikan PKINK telah mengadakan ekspedisi "Sayangi Rafflesia Lojing" pada 16 Jun lalu di Kampung Sungai Mengrod, Lojing, Gua Musang.

Yang DiPertua KSK PKINK, Mohd Adilan Mat Jusoh berkata,

seramai 51 ahlinya mengikuti ekspedisi yang penuh bermakna ini dan ingin merealisasikan hasrat untuk mempromosikan kawasan ini sebagai produk pelancongan antarabangsa.

Katanya, sumber alam semulajadi ini sememangnya unik dan sekiranya diurus dan dibangun dengan cara yang betul boleh dijadikan sebagai sumber bagi menarik kedatangan pelancong sama ada dari dalam mahupun luar negara. Secara tidak langsung, aktiviti sebegini akan dapat menjana kewangan negeri dan dapat meningkatkan taraf sosial ekonomi penduduk di Kelantan.

"Bunga Rafflesia yang sememangnya unik ini telah dibuktikan oleh Sabah dan Bengkulu di Sumatera sebagai satu daya tarikan pelancong yang kuat di peringkat antarabangsa.

"Penemuan ini mempunyai potensi yang sangat besar dalam bidang eco pelancongan dan telah pun diwartakan oleh kerajaan negeri sebagai satu kawasan yang dilindungi," katanya.

Bunga Rafflesia yang terdapat di Lojing adalah daripada spesies Rafflesia Kerrii yang hanya tumbuh di julat antara Selatan Thailand sehingga ke sempadan negeri Kelantan, Kedah dan Pahang sahaja. Ini menambahkan lagi keinginan para pelancong untuk datang ke Kelantan.

Mohd Adilan berkata, PKINK bercadang ingin merealisasikan kawasan yang berkeluasan 650 ha ini sebagai Kawasan Pemuliharaan Rafflesia dan kawasan pelancongan yang berasaskan alam semulajadi seperti bunga Rafflesia sekali gus akan menjamin kelestarian flora dan fauna serta ekologi di kawasan ini.

"Kita sedar dengan pemuliharaan ini ia dapat mengikis imej Lojing sebagai kawasan yang tercemar oleh isu-isu pembalakan dan konflik guna tanah. Oleh itu, kami ingin membawa cadangan supaya disediakan segala kemudahan dan fasiliti serta dijaga daripada dicemari pembangunan kepada pihak kerajaan negeri untuk tindakan selanjutnya.

"Perlu ingat, kita bukan hanya menjaga tumbuhan ini sahaja tetapi kawasan tadahan hujan kerana ia merupakan hutan yang perlu dilindungi bagi mengelakkan kesan yang lebih teruk kepada alam sekitar," katanya. 🌿





# Perdana Resort belanja RM600 ribu tingkatkan prasarana

Oleh: Tuan Mohd  
Nor Tuan Yahya



Keindahan resort yang sudah dibaikpulih.

**PENKALAN CHEPA:** Persaingan dalam menarik pelancong untuk bertandang ke Perdana Resort semakin ketara setelah kewujudan pelbagai resort berhampiran pantai, namun dengan pengalaman lebih 20 tahun, Perdana Resort masih mampu bertahan dan kini semakin popular kepada pelancong dalam dan luar negeri.

Dengan kerjasama yang kukuh dengan kakitangan seramai 140 orang, Perdana Resort kini telah berubah wajah bagi memberi keselesaan kepada pengunjung.

Pembinaan resort yang bermula di awal tahun 1989 di tapak seluas 36 ekar dan berhadapan Laut China Selatan merupakan lokasi yang menarik dan amat sesuai bagi mereka yang ingin beristirahat.

Dengan jumlah 117 bilik, (Deluxe, Superior dan Standard) Perdana Resort kini boleh menampung kedatangan pelancong dalam masa serentak dengan tawaran harga yang menarik bersama pakej yang ditawarkan.

Menurut Pengurus Operasi Perdana Resort Ahmad Zani Muhammad, bagi meningkatkan prasarana terkini, sejumlah RM600 ribu telah dibelanjakan terutamanya bagi menaik taraf bilik sedia ada dan infrastruktur yang lain.

“Kita sedar sebelum ini banyak resort yang uzur, sebab itulah pengurusan resort kini sedang giat menaik taraf bilik, penyediaan penghawa dingin dan peralatan yang lain bagi keselesaan pengunjung”.

Ahmad Zani juga berkata pengurusan Perdana Resort kini sedang dalam proses awal bagi membina apartment sejumlah tiga blok yang terdiri 9 tingkat dan keduanya lagi

lima tingkat setiap satu.

“Dengan adanya apartment yang meliputi seluas 4 ekar yang akan dibina penghujung tahun ini ia, akan meningkatkan lagi industri pelancongan dan akan melonjakkan nama Perdana Resort di persada industri pelancongan negara” ujar beliau.

Di Perdana Resort juga kini, pengunjung dapat mengadakan pelbagai aktiviti termasuklah Paddle Boat, Kayak dan Berbasikal.

Di samping itu, Perdana Resort turut menyediakan dua pakej utama iaitu Pakej Motivasi dan Pakej Seminar dengan menyediakan Dewan Seminar, kelengkapan PA System, Capaian internet dan pelbagai lagi kemudahan lain.

Sementara itu, Ahmad Zani juga berkata Perdana Resort kini semakin terkenal dengan Set Makanan Cina yang menyediakan Tukang Masak terkenal dari Hotel Perdana sebelum ini.

Menyentuh perancangan masa depan Perdana Resort, Ahmad Zani berkata sudah ada perancangan untuk menyediakan Taman Tema Air, ia akan dilaksanakan melalui konsep kerjasama dengan syarikat lain yang lebih pakar dalam penyediaan taman tersebut.

“Kita yakin projek pembinaan Taman Tema tersebut akan menjadi kenyataan dan Perdana Resort dalam masa yang sama akan menyediakan apartment dan ini akan meningkatkan kedatangan pelancong ke Pantai Cahaya Bulan pada masa depan”katanya lagi. 🍷



Bilik keluarga  
yang baru  
amat selesa



Tapak Pembinaan apartment  
seluas 4 ekar telah disediakan.



Pembinaan pejabat baru  
bagi keselesaan kakitangan.



# Nilai hartanah Kota Bharu

**N**ILAI hartanah di Kelantan sekarang dikatakan berada pada kedudukan yang kompetitif dan hampir setanding dengan kawasan di sekitar Lembah Klang. Benarkah begitu. Apa asas bagi menyokong fakta tersebut. Analisis mudah, rumah sewa di kawasan pinggir bandar dengan harga bawah RM300 sekarang semakin sukar ditemui.

Kadar biasa hari ini lebih RM400 sebulan. Itu pun sukar hendak dicari di lokasi pinggir bandar. Ada rumah teres tiga bilik di Jalan Telipot sewa bulanan mencecah RM500. Ada juga melambung sehingga RM800 dengan empat bilik tidur di Kampung Bunut Payong.

Seunit lot kedai dengan keluasan 20 kaki x 70 kaki sekarang paling rendah berharga RM250,000. Bagi bangunan perniagaan setinggi tiga tingkat di kawasan bandar paling rendah berharga RM1 juta.

Fakta tersebut bukan lagi omongan. Ia diakui Pengurus Projek dan Hartanah Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK), Haji Mohd Shah Abdul Kadir.

Biar pun tanpa kajian mendalam, jelaslah pasaran hartanah di Kelantan begitu memberangsangkan sekarang.

"Satu lot tanah kosong di kawasan bandar dengan keluasan tidak seberapa harganya sekarang sekitar RM1 juta.

"Ada tanah yang di kawasan lebih strategik nilainya sebanyak RM100 bagi satu

kaki persegi," katanya yang juga seorang akauntan. Beliau ditemubual wakil Buletin PKINK di pejabatnya baru-baru ini.

Pemintaan tinggi pasaran hartanah di Kota Bharu menyebabkan tanah kosong di kawasan bandar hari ini sukar dicari. Kalau 15 tahun dahulu banyak tanah kosong dipenuhi semak di tepi jalan utama. nSekarang sudah bertukar menjadi bangunan batu.



*Haji Mohd Shah Abdul Kadir,  
Pengurus Projek dan Hartanah  
PKINK*

## Jalan Hamzah berwajah baru

Contohnya Jalan Hamzah, dahulu hanya tapak pasar borong yang bechak di musim hujan. Sekarang sudah ada gedung perniagaan, hotel dan apartmen.

Begitu juga di Langgar, Jalan Sultan Yahya Petra. Bekas tapak kilang biskut sejak 10 tahun lalu sudah bertukar menjadi hotel bertaraf enam bintang. Di sebelahnya ada Kota Sri Mutiara.

Jalan Post Office Lama dahulu ada deretan kedai yang terkenal dengan sup Tok Ayah, sekarang sudah berdiri megah hotel dan



*Unit rumah banglow mesra alam ditawarkan di Taman Perumahan SEDC Perdana.*

# kian melonjak

pangsapuri mencakar langit.

Maka tidak hairanlah berdasar kepada fenomena tersebut, pasaran hartanah di Kota Bharu mengatasi bandar besar lain di Pantai Timur. Berbeza berbanding Kuala Terengganu dan Kuantan, di mana tumpuan pembangunan kata Mohd Shah lebih menurus kepada kelengkapan prasarana asas seperti jalan raya dan bangunan milik kerajaan persekutuan.

Sedangkan di Kelantan sejak 21 tahun lalu, tumpuan lebih terarah kepada bangunan komersial dan unit kediaman.

"Kalau hendak tengok lingkaran jalan raya yang lebar dan luas di Kota Bharu masih sukar sekarang kerana kemudahan tersebut di bawah tanggungjawab kerajaan pusat.

"Di negeri lain penyediaan infrastruktur mendapat kerjasama penuh kerajaan persekutuan. Jalan perbandaran pun banyak dinaik taraf.

"Sedangkan di Kelantan ada hambatan ke arah itu. Ini kerana kerajaan pusat kurang memberi kerjasama," kata seorang penganalisis ekonomi.

Mohd Shah berkata, kawasan pembangunan di Kota Bharu sekarang sudah kekurangan ruang. Tidak salah kalau hendak dibandingkan dengan Setapak di Kuala Lumpur.

Bukti yang jelas diketengahkan pegawai kanan PKINK itu dengan merujuk projek Perdana Residency setinggi 24 tingkat di Sri Cemerlang. Projek tersebut bakal mengandungi service apartment sebanyak 215 unit, 8 unit rumah kedai, empat tingkat parkir dan kolam renang.

"Projek berkenaan InshaAllah akan dilancarkan selepas sambutan Hari Raya Aidilfitri nanti. Kita sudah membina pagar kawasan itu sebagai komitmen projek tersebut akan dilaksanakan bila-bila masa.

"Biar pun belum dipasang papan tanda dan projek belum bermula, permintaannya begitu mengujakan sekali. Sekarang kira-kira 90 peratus unit yang bakal ditawarkan sudah ada pembeli berminat.

"Ini secara jelas menggambarkan pasaran hartanah di Kelantan begitu rancak, lebih-lebih lagi di Kota Bharu. Ini menjelaskan kebenaran kuasa beli rakyat begitu tinggi sekali," ujarnya.

Setiap unit apartment di Perdana Residency ditawarkan dengan harga RM140,000 ke atas. Manakala dua tingkat "pent house" di koridor paling atas ditawarkan dengan harga RM1 juta. Projek tersebut terletak bersebelahan ibu pejabat Celcom dan tidak jauh Jalan Kebun Sultan. Ia bakal menjadi mercu tanda baru apabila siap pada 2014. Perdana Residency dianggar membabitkan kos sebanyak RM44.3 juta. Pembinaannya akan



*Perdana Residency di Sri Cemerlang bakal dibangunkan tidak lama lagi.*

dijalankan anak syarikat PKINK.

Mohd Shah berkata, geran tanah seluas satu ekar tersebut terdapat 36 nama. Malah masih terdapat nama keluarga diraja Kelantan. Pada peringkat awal diakui sukar untuk mengesan pemilik tanah tersebut.

"PKINK menawarkan harga mengikut pasaran semasa. Pemilik bersetuju menjual tanah tersebut bagi membolehkan ia dibangunkan," kata Mohd Shah.

## Peranan PKINK

Peranan Bahagian Projek dan Hartanah PKINK ialah menyediakan kemudahan tempat tinggal dan ruang niaga lebih selesa kepada rakyat Kelantan. PKINK memastikan kawasan yang sesuai dibangunkan dengan perbandaran tersusun. PKINK juga berperanan mencadangkan kepada kerajaan negeri bagi mengambil balik tanah sekiranya didapati ada kesesuaian untuk dibangunkan.

"Sekiranya pemilik tanah bersedia menjualnya, tidak perlu kepada Akta Pengambilan Tanah 1960 bagi membangunkan lokasi tersebut," katanya.

PKINK mempunyai empat anak syarikat yang terlibat secara langsung dengan projek pembinaan. Paling dikenali Binaraya PKINK Sdn Bhd. Ia memang tidak asing lagi di Kelantan sejak dahulu lagi. Hampir seluruh jajahan terdapat projek perumahan

**Biar pun belum dipasang papan tanda dan projek belum bermula, permintaannya begitu mengujakan sekali. Sekarang kira-kira 90 peratus unit yang bakal ditawarkan sudah ada pembeli berminat."**



yang dikendalikan Binaraya. Antara projek yang siap dibina iaitu pembinaan rumah teres sebanyak 80 unit di Taman Kifayah Binaraya Fasa 2 Jeli melibatkan kos hampir RM8 juta.

Selain itu pembinaan rumah teres dua tingkat sebanyak 28 unit di Desa Mardhiah Binaraya Mukim Panchor, Pengkalan Chepa membabitkan kos lebih RM5 juta. Syarikat pemaju hartanah kedua milik PKINK iaitu Profil Impian Sdn Bhd. Syarikat terbabit membangunkan 50 unit rumah teres dua tingkat fasa 4B di Taman Kurnia Jaya, Pengkalan Chepa membabitkan kos lebih RM10 juta.

Sinaran Pantai Timur Consortium Bhd pula terbabit membangun rumah kedai di kawasan bebas cukai di Rantau Panjang. Projek tersebut meliputi rumah kedai tiga tingkat, Bazar Abdul Rahman Auf dan cadangan membina hotel. Kompenan perniagaan itu dibangunkan di kawasan seluas 10 ekar. Pembinaan hotel akan dilaksanakan dengan usahasama syarikat swasta lain.

PKINK juga memiliki SPP Development Sdn Bhd. Syarikat tersebut menyiapkan projek perumahan di Taman SPP Permai, Kota Warisan Fasa 2 dan Taman SPP Indah.

Agak membanggakan pada ekspo hartanah pada 2009, SPP mencatat jualan sehingga RM3.5 juta dalam tempoh empat hari. Syarikat berkenaan juga sedang menumpu perhatian kepada pembangunan di Pantai Cahaya Bulan, Jalan Sri Cemerlang, Mukim Apam, Pasir Mas dan Bandar Baru Tunjung.

Selain tumpuan kepada projek perumahan, sebuah lagi syarikat milik PKINK iaitu Kelkon Sdn Bhd terbabit dengan projek berskala lebih besar. Kelkon membina bangunan sekolah, pejabat kerajaan, jalan, jambatan dan perumahan.

Manakala Prokel Management Sdn Bhd pula bertanggungjawab mengurus bangunan milik PKINK.

### SEDC Perdana

Mohd Shah berkata, PKINK merancang membina perumahan di Mukim Apam, Pasir Mas sebanyak 820 unit di kawasan seluas 80 ekar. Projek fasa 1 sebanyak 400 unit meliputi pembinaan

rumah teres, rumah kedai, b a n g l o w , berkembar dan rumah kos rendah.

"Kerja-kerja m e n a m b u n tanah sedang d i j a l a n k a n



Aparment berhampiran Pantai Cahaya Bulan ditawarkan kepada anak-anak tempatan.

Aparment Service bakal dibangunkan berhampiran Perdana Resort



Mohd Shah menunjukkan cadangan projek Terminal Pengangkutan Bersepadu di Bandar Baru Tunjung.

sekarang. Projek itu kemungkinan besar akan dikenali sebagai "SEDC Perdana".

"Kedudukan begitu strategik kerana tidak jauh daripada projek Halal Park dan sekolah integrasi. Lokasinya juga tidak jauh dari projek bandar baru Pasir Mas yang sedang dibangunkan sekarang," kata Mohd Shah.

Di Tanah Merah PKINK dengan kerjasama syarikat swasta, Pasir Puteh Development Corporation (PPDC) membangunkan Taman Barakah mengandungi 750 unit rumah teres.

### Pembangunan Bandar Baru di Tunjong

Bercakap mengenai perancangan jangka panjang Mohd Shah memberitahu PKINK sedang merancang untuk membangunkan kawasan seluas 110 ekar di kawasan Bandar Baru Tunjong.

Cadangan projek berkenaan bakal mengandungi terminal pengangkutan bersepadu, kompleks komersial, hospital swasta, kediaman dan juga hotel. Anggaran kos pembangunan ialah berjumlah RM522 juta yang akan dibangunkan secara usahasama dengan syarikat lain.

"Projek itu dijangka dapat mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di kawasan pusat bandar Kota Bharu. Bas ekspres tidak perlu lagi masuk ke kawasan bandar. Perkhidmatan bas bandar akan disediakan untuk ke pusat bandar," ujarnya.

Berdasar kepada perkembangan pesat sekarang, Mohd Shah menjelaskan Kota Bharu hari ini sudah jauh berubah. Kepesatan urbanisasi berbeza berbanding 20 tahun lalu.

Oleh itu beliau menolak tanggapan sesetengah pihak yang mengulangi skrip lama dengan dakwaan Kelantan tidak membangun. Baginya landskap baru Kota Bharu sekarang mencerminkan Serambi Mekah sedang meniti arus pembangunan.

Malah bekas Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam, Haji Nazran Mohamad turut hairan mengapa masih ada pihak mengatakan Kelantan tidak membangun.

Kesimpulan dirungkai Adun Limbongan, Drs Zainuddin Awang Hamat, "mungkin pihak terbabit berjalan mendongak kepala ke langit". 🙄



# Mesyuarat Agung KSK PKINK

**KOTA BHARU** – 30 Jun 2011, Kelab Sukan dan Kebajikan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (KSK PKINK) telah mengadakan Mesyuarat Agungnya kali yang ke 30. Mesyuarat kali ini tidak melibatkan pemilihan Ahli Jawatankuasa, yang mana pemilihan ialah setiap dua tahun sekali. Mesyuarat dihadiri kira-kira 100 orang ahli telah diadakan di Bilik Operasi Tingkat 10, Bangunan PKINK.

Mesyuarat Agung telah dirasmikan oleh Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK, Tuan Haji Mohd Sabri bin Abdullah, yang merupakan Penasihat kepada KSK PKINK. Dalam ucapan ringkanya, beliau mengajak ahli-ahli mengambil peluang dengan kemudahan yang disediakan oleh KSK PKINK baik dari segi sukan, rekreasi mahupun aktiviti kerohanian. Selain bersukan, peluang yang disediakan untuk ahli-ahli seperti penganjian al-Quran, ceramah mingguan, program seperti qiamuallai dan program rekreasi dimanfaatkan sebaik mungkin.

Ketua Eksekutif juga menyarankan kepada barisan pimpinan KSK PKINK agar berusaha di dalam menambahkan bilangan ahli-ahli di kalangan anggota di Syarikat Anak. Masih lagi terdapat anggota di Syarikat Kumpulan yang tidak menjadi ahli malah tidak berapa tahu tentang aktiviti KSK PKINK terutama beberapa syarikat yang berada jauh dari Ibu Pejabat, seperti Syarikat di bawah Kumpulan Perladangan PKINK. 🌐



# Mesyuarat Agung Koperasi PKINK

**KOTA BHARU:** Mesyuarat agung Koperasi PKINK Berhad kali ke 30 telah diadakan pada 25 Jun 2011 lalu bertempat di Dewan Duyung, Perdana Resort, Pantai Cahaya Bulan, Kota Bharu. Mesyuarat tersebut telah dirasmikan oleh Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK, Haji Mohd Sabri bin Abdullah, merangkap Penasihat Koperasi PKINK Berhad. Turut hadir pada mesyuarat kali ini ialah Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Kelantan, Haji Muhamad Sabri bin Wan Harun, dan Pengerusi Koperasi PKINK Berhad, Haji Zainal Abdul Rahim

Satu Seminar Mengenai Hal Ehwal Koperasi juga turut diadakan dengan pengisian ceramah oleh Ketua Eksekutif Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, Dato' Dr. Johari Mat.

Mesyuarat agung kali telah dihadiri kira-kira 1,100 orang ahli dari PKINK dan syarikat anak kumpulan PKINK. Mesyuarat turut memilih 2 orang anggota lembaga iaitu Hj. Zainal Abdul Rahim (dipilih semula) dan Nor Azuwan Saleh sebagai ahli lembaga pengarah yang baru bagi menggantikan dua ahli lembaga yang tamat tempoh. Mesyuarat juga telah bertuju dengan penetapan bayaran dividen kepada ahli-ahli atas pelaburan sebanyak 7%, atas saham 6% dan atas modal saham 10% pada tahun kewangan 2010. 🌐





KURSUS

## PKINK anjur kursus

# 9 Tabiat Insan Ehsan

Oleh: Tuan Hissam Tuan Mamat

**KOTA BHARU**—Dalam usaha melaksanakan tanggungjawab sebagai penjawat awam yang beristiqamah, Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) telah mengambil inisiatif menganjurkan kursus “9 Tabiat Insan Ehsan” pada 4 dan 5 Mei lalu.

Kursus itu bertujuan memberi pendedahan kepada para pegawai PKINK dan anak syarikatnya sebagai langkah strategik ke arah meningkatkan keperibadian diri dan organisasi. Di samping dapat membantu usaha kerajaan negeri dan PKINK melipat gandakan nilai teras Ubudiyah, Mas’uliyah dan Itqan dalam melahirkan anggota perkhidmatan awam yang berpegang teguh dan menghayati ajaran agama, beretika, berakhlak mulia dan berintegriti tinggi sepanjang masa.

Kursus yang dikendalikan oleh QI Consultants Sdn. Bhd. itu menekankan aspek berkaitan istiqamah, ehsan, dipercayai dan pembinaan budaya.

Peserta yang terdiri daripada Pegawai Pengurusan dan Pegawai Kewangan setiap bahagian di PKINK dan Syarikat Anak didedahkan dengan pelbagai kaedah penyucian diri yang berkesan yang boleh dipraktikkan dalam meningkatkan mutu keperibadian diri.

Kursus itu juga mendidik peserta tentang perubahan “mindset” berfokuskan fitrah insan dan memahami kaedah interpersonal didalam menyediakan perkhidmatan yang terbaik serta mengenalpasti kepentingan UMI bagi sesebuah agensi kerajaan.

Menjadi harapan PKINK dan pihak QI Consultants Sdn. Bhd. agar peserta yang hadir dapat menimba ilmu sebaik mungkin serta berjaya mencapai objektif kursus tersebut dalam melahirkan pegawai yang berdedikasi, beretika, dinamik dan berkualiti selaras dengan tanggungjawab yang diamanahkan sebagaimana yang telah ditetapkan. 🍌





## Sambutan Hari Ibu oleh KEKWA

**KEKWA** telah berjaya menganjurkan majlis sambutan hari ibu untuk anggota KEKWA pada 17 Mei 2011 yang lalu di Restoran The Ritz. Seramai 23 anggota KEKWA dan pasangan ibu@anak telah dapat menghadiri diri ke majlis tersebut.

Pada majlis tersebut disamping beramah mesra antara anggota dan ibu masing-masing, hadirin turut disajikan dengan makan tengahari yang enak serta pengisian rohani dan minda dengan tazkirah bertajuk Memupuk Kasih Membina Bahagia oleh Ustaz A.Ubaidillah Alias.

Kemeriah majlis makin terasa dengan pemberian hadiah oleh anak kepada ibu masing-masing. Semoga di masa hadapan KEKWA di beri kesempatan untuk menganjurkan majlis Hari Ibu lagi. 🍀

## Lawatan Mahabbah ke KELKON Sdn. Bhd.

**PADA** 21 April 2011 KEKWA telah mengadakan sesi lawatan ke syarikat anak dengan lawatan sulung ke KELKON Sdn. Bhd.

Disamping anggota KEKWA di ibu pejabat lawatan tersebut turut disertai oleh ahli KEKWA dari syarikat anak yang lain. Lawatan dengan kehadiran lebih kurang daripada 50 orang anggota KEKWA. Tujuan lawatan mahabbah ini adalah untuk memberi peluang kepada anggota KEKWA mengenali dan melawat setiap syarikat anak dengan lebih dekat dan mesra lagi sebagai satu kumpulan dalam PKINK. Secara tidak langsung ini dapat mengeratkan lagi tali silaturahmi di kalangan ahli.

Sesi lawatan turut mengundang Ustazah Wan Nor Azam bin Wan Ab. Aziz, Timbalan Pengelola Dakwah Halaqat Negeri Kelantan untuk memberikan sedikit ceramah bertajuk Wanita Berkerjaya Di dalam Islam. Berdasarkan kepada sambutan dan cadangan ahli-ahli, KEKWA merancang untuk mengadakan sesi lawatan seterusnya ke Syarikat Ladang Sungai Terah. Diharap ahli-ahli KEKWA yang berminat sabar menanti lawatan seterusnya. 🍀



## Program Usahawan Internet di Makmal Siber

**SATU** program yang dinamakan Program Usahawan Internet (IEP) anjuran bersama Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Multimedia Development Corporation (MDEC) telah berjaya dilaksanakan dengan jayanya dipremis Makmal Siber PKINK baru-baru ini. Program tersebut dikelola oleh Innovasia Vista Sdn Bhd dan peserta-pesertanya terdiri daripada usahawan-usahawan tempatan sekitar Kelantan .

Program telah dibahagikan kepada beberapa sesi dimana sesi pertama telah diadakan pada 13 Feb 2011 untuk taklimat dan profiling dan diikuti dengan sebanyak 3 sesi bengkel bermula 1 Mac dan berakhir pada 20 Apr 2011 yang lalu. Dari 45 usahawan yang hadir untuk profiling, sebanyak 34 usahawan telah terpilih.

Majlis penutup program telah diadakan di Bilik Operasi PKINK dan disempurnakan oleh Pn Khalidah Mohd Darus, Pengarah Seksyen Pembangunan Bisnes dan Pemasaran dari MITI. Dalam ucapan penutup beliau, Pn Khalidah sempat menyampaikan ucapan terima kasih beliau di atas kerjasama PKINK dalam menyediakan premis dan kemudahan yang cukup baik dan memuaskan. Beliau turut menyentuh bahawa bengkel yang sebegini dapat memajukan lagi bisnes para usahawan melalui penggunaan ICT. Pendedahan pemasaran melalui facebook dan laman web telah terbukti dapat membantu mereka dalam memperkembangkan lagi pasaran dan meningkatkan lagi empayar bisnes mereka. 🍀





# Ancaman Penggodam

**P**erang siber yang berlaku baru-baru ini, membuktikan bahawa dunia teknologi maklumat boleh menyebabkan berlakunya kebocoran yang melemahkan sesuatu system pentadbiran Negara sekali gus mengancam keselamatan dunia.

Malaysia tidak terkecuali menerima kesannya sebagaimana yang berlaku mulai malam 16 Jun lalu apabila laman web dengan domain.gov.my diserang sekumpulan penggodam yang mendakwa diri mereka sebagai 'Anonymous' yang menyebabkan sekurang-kurangnya 41 daripadanya mengalami gangguan pada tahap berbeza.

Ancaman itu bukan saja berlaku ke atas laman web kerajaan kita, malah laman web milik Agensi Perisikan Pusat (CIA), Amerika Syarikat turut dilaporkan diancam penceroboh internet yang menggelarkan diri mereka 'Lulz Security'.

Lulz Security juga didakwa terbabit dalam beberapa serangan ke atas Senat Amerika, Sony Corp, News Corp dan rangkaian sistem penyiaran Amerika Syarikat.

## Siapa Itu Penggodam?

Penggodam ialah seorang yang mencipta dan mengubah suai perisian dan perkakasan komputer, termasuklah pengaturcaraan komputer, pentadbiran dan urusan yang berkaitan dengan keselamatan.

Penggodam terbahagi kepada dua:

**Topi hitam (black hat) :** Penggodam yang menggodam komputer tanpa izin atau menggunakan teknologi (biasanya sebuah komputer ataupun internet) untuk tujuan keganasan, vandalisme, penipuan kad kredit, pencurian identity, pencurian hak milik intelektual dan sebagainya. Ini juga bermakna mengambil alih kawalan komputer lain melalui sebuah rangkaian atau perekahan perisian (software cracking).

**Topi putih (white hat) :** Penggodam beretika yang memecah keselamatan tetapi untuk tujuan baik.

Topi putih biasanya mempunyai etika yang jelas dan selalu berusaha untuk bekerja dengan pengilang atau pemilik untuk memperbaiki kelemahan yang dijumpai walaupun banyak yang mengancam sama ada tersirat atau jelas untuk memaklumkan kepada awam selepas tempoh "sesuai" untuk memastikan respons yang kena pada waktunya.

Diantara kesan dari penggoda adalah kes dimana komputer kerajaan dikawal oleh 'Botnet'. Botnet ialah robot yang mengumpul maklumat secara rahsia di dalam sistem yang menjejaskan 1.9 juta komputer peribadi termasuk 77 pelayan internet di Amerika dan kawasan lain. Dikawal oleh kumpulan penggoda Ukraine, botnet membawa keuntungan sebanyak \$190,000 (RM570,000) sehari kepada penggoda dengan

menyewakan kemudahan komputer \*zombie.

**\*Komputer zombie :** Komputer yang disambungkan ke internet yang telah terjejas oleh virus dan digunakan untuk tujuan mengawal komputer lain.

Diantara senjata yang digunakan oleh penggoda adalah sebagaimana berikut :

## Pengimbas kelemahan

Peranti atau perkakasan yang khusus digunakan untuk memeriksa rangkaian atau komputer bagi mengesan kelemahan dengan pantas.

## Pengurai kata laluan (Password cracker)

Proses mendapatkan kata laluan daripada data yang disimpan atau dihantar menggunakan sistem komputer. Kaedah yang biasa digunakan adalah meneka kata laluan berulang kali.

## Serangan penipuan (Phishing)

Serangan ini membabitkan satu program sistem, atau laman web tiruan yang hampir sama dengan yang asal. Tujuannya untuk mengumpan pengguna mendedahkan maklumat sulit.

## Rootkit

la direka untuk membantu mengaburi jejak penggoda pada system sekuriti komputer. Kebiasaannya selepas Rookit dimasukkan dalam komputer, penggoda akan memperoleh akses mudah untuk masuk ke komputer atau rangkaian.

## Kejuruteraan yang membabitkan hubungan sosial

Taktik yang digunakan penggoda untuk mendapatkan maklumat atau akses ke rangkaian. Ia membabitkan taktik menipu dan menyamar bagi menghubungi pihak yang terbabit dengan sistem.

## Penghidu bingkisan data

Aplikasi yang mampu memintas bingkisan data yang dihantar antara rangkaian bagi mendapatkan kata laluan atau data penting.

Berikut adalah diantara contoh-contoh kes-kes penggoda:

### NIMDA: ANCAMAN TERBARU CECACING TERHADAP INTERNET

Satu lagi virus jenis cecacing dikenali sebagai Nimda yang berkemampuan memusnahkan 16 'lubang' yang berbeza dalam Microsoft Windows 2000 dan NT. Kira-kira 130,000 komputer peribadi dan komputer pelayan telah dijangkiti virus ini. Lebih membahayakan, Nimda yang jika dibaca terbalik berbunyi 'admin' juga menyebarkan jangkitan melalui e-mel. 💰



# SEMINAR HALALAN TOYYIBA NEGERI KELANTAN 2011

**JABATAN** Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK) dengan kerjasama Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) dan Institut Permbangunan Pengurusan Johor (IPPJ) dengan jayanya telah mengadakan seminar Halalan Toyyiba Negeri Kelantan 2011 bertempat di Dewan A & B, Balai Islam Kompleks Islam Darul Naim pada 29 & 30 Mei lalu. Seramai 150 orang peserta daripada pelbagai usahawan telah menghadiri seminar ini. Daripada 150 orang peserta, 83 orang telah pun ditaja sepenuhnya oleh Bahagian Pembangunan Usahawan, Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan.

Program ini diadakan bertujuan memberi Pendidikan Halal kepada pengguna di peringkat awal lagi dan seterusnya mendidik mereka menjadi pengguna yang berpengetahuan. Program ini melibatkan para usahawan, pengusaha makanan, pengusaha hotel, pembekal perkhidmatan halal, pembekal, jururunding, pengusaha pemprosesan produk halal, ahli akademik, dan pelajar.

Penceramah-penceramah yang telah dijemput adalah Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Halal, En. Nik Mohd Zawawi bin Ibrahim, Pensyarah Kanan Jabatan Fiqh & Usul Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Dr. Sa'adan bin Man, Pengurus Besar Jabatan Syariah & Pematuhan Halal KFC Holding Malaysia Berhad, Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri, Keselamatan & Kualiti Makanan Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan YB. En. Roslan bin Saluddin

Objektif daripada seminar ini adalah mendedahkan kepentingan dan keperluan halal serta memaksimumkan standard halal yang telah dibangunkan oleh Kerajaan Malaysia untuk dimanfaatkan sepenuhnya oleh pihak pengguna, pengeluar, usahawan dan masyarakat terutamanya di Negeri Kelantan di samping menjelaskan prosedur dan keperluan Sijil Halal Malaysia. Selain itu, ia dapat memanfaatkan insentif yang disediakan oleh kerajaan dalam pembangunan industri halal. Ia juga dapat menyediakan platform kepada peserta seminar untuk meneroka peluang bisnes dalam industri halal dengan mewujudkan jaringan dan membuka peluang pasaran seterusnya memberi khidmat nasihat kepada usahawan dalam klinik usahawan untuk menyelesaikan isu-isu berkaitan industri halal.

Di akhir majlis ini, sijil penyertaan dan penghargaan telah diberikan kepada usahawan yang menjayakan majlis ini. 🍕

## KONVENSYEN PROGRAM USAHAWAN MUDA (PUM) PERINGKAT NEGERI KELANTAN 2011

**SELAKU** sekretariat PUM Negeri Kelantan, Bahagian Pembangunan Usahawan telah menganjurkan Konvensyen PUM Peringkat Negeri Kelantan 2011 pada 18-20 Jun 2011 bertempat di Perdana Resort, PCB, Kota Bharu. Konvensyen ini bertujuan bagi memberi pengiktirafan serta memilih syarikat-syarikat PUM terbaik dalam pelbagai kategori yang dipertandingkan dan seterusnya akan mewakili Negeri Kelantan di Konvensyen Nasional yang dijadualkan pada Julai 2011.

Kategori yang dipertandingkan dan keputusan penuh Konvensyen pada kali ini adalah sebagaimana berikut:



1	<b>Pengetua / pnaung terbaik</b>	En. Mohd Roseli bin Ismail Mudir Maahad Syamsul Maarif (P) Pulau Chondong. (Syarikat Imtiazatul Munawwarah Sdn. Bhd.)
2	<b>Guru Pembimbing Terbaik</b>	En. Ramli bin Mohamad Maahad Muhammadi Pasir Mas (Syarikat Khairul Ijtihad Sdn. Bhd.)
3	<b>Pengurus Terbaik</b>	Sekolah Menengah Kebangsaan Wakaf Bharu (Syarikat Tijari 2 Sdn. Bhd.)
4	<b>Perkhidmatan Terbaik</b>	Sekolah Menengah Kebangsaan (A) Falahiah (Syarikat One-D Evolution Sdn. Bhd.)
5	<b>Produk Terbaik</b>	Maahad Muhammadi Pasir Mas (Syarikat Khairul Ijtihad Sdn. Bhd.)
6	<b>Produk Kreatif</b>	Sekolah Menengah Hamzah (Syarikat Kaizen Enterprise Sdn. Bhd.)
7	<b>Syarikat Paling Berpotensi</b>	SMU (A) Azhariah Melor (Syarikat Puncak Aspirasi Sdn. Bhd.)
8	<b>Persembahan Terbaik</b>	Maahad Muhammadi Pasir Mas (Syarikat Khairul Ijtihad Sdn. Bhd.)
9	<b>Syarikat Terbaik</b>	i) Johan : SMK Wakaf Bharu (Syarikat Tijari 2 Sdn. Bhd.) ii) Naib Johan : SMK Hamzah (Syarikat Kaizen Enterprise Sdn. Bhd.) iii) Ke-3 : Maahad Saniah Pasir Puteh (Syarikat MASA Global Sdn. Bhd.)



## PROGRAM PRA KONVENSYEN MINI PERINGKAT ZON TANAH MERAH PROGRAM KEUSAHAWANAN MUDA (PUM) 2011

**PROGRAM** Pra Konvensyen Mini Peringkat Zon Tanah Merah Program Usahawan Muda (PUM) 2011 telah diadakan pada 5 Mei 2011 / 01 Jamadilakhir 1432 yang bermula pada jam 8.00 pagi sehingga 4.00 petang. Program ini diadakan di Dewan Mentari Sekolah Menengah Tanah Merah, Tanah Merah, Kelantan.

Pra Konvensyen Mini PUM ini bertujuan memberi pendedahan secara 'hands-on' kepada ahli-ahli PUM di sekolah masing-masing. Sebanyak 12 buah sekolah yang terpilih menyertai PUM bagi tahun 2011. Seramai 372 orang pelajar, 24

orang guru, Pegawai Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan, Pegawai Yayasan Islam Kelantan, dan 6 orang urusetia yang hadir. Dalam pertandingan yang dianjurkan ini, Sekolah Maahad Muhammadi Pasir Mas telah memenangi Kategori Persembahan Terbaik dengan membawa pulang hadiah berupa hamper.

Penceramah daripada Universiti Malaysia Kelantan (UMK) iaitu Puan Thana bt Abdullah telah dijemput juga untuk memberikan ceramah kepada pelajar-pelajar yang hadir.

Program Pra Konvensyen ini merupakan salah satu inisiatif untuk



persediaan para peserta sebelum melangkah ke peringkat seterusnya di samping dapat meningkatkan kualiti persembahan peserta untuk menjadi usahawan yang berjaya. 🍀

## SEMINAR AHLI LEMBAGA PENGARAH (ALP) PROGRAM USAHAWAN MUDA (PUM) 2011

**BAHAGIAN** Pembangunan Usahawan telah menganjurkan Seminar Ahli Lembaga Pengarah (ALP) Program Usahawan Muda (PUM) 2011. Program tersebut telah diadakan pada 11 & 12 April 2011 bertempat di Dewan Duyung, Perdana Resort. Seramai 110 orang pelajar dan 44 orang guru, iaitu terdiri daripada 22 buah sekolah yang dijemput untuk menyertai seminar ini.

Para penceramah pula dihadiri oleh YBrs. Tuan Hj Abdullah bin Mamat, iaitu Pensyarah Jabatan Perdagangan Politeknik Kota Bharu dan YBrs. Salleh bin Mohd Yusof iaitu Pengurus Besar D'WISE SUCCESS ENTREPRENEUR (M) SDN BHD Desa Darul Naim.

Seminar ini bertujuan untuk memberi penerangan berkenaan tugas setiap ALP dalam mengoperasikan syarikat di sekolah masing-masing. Selain itu, penyerahan cek kiosk dan sijil pendaftaran syarikat telah disampaikan kepada 14 buah sekolah.

Antara yang turut hadir menjayakan seminar ini adalah iaitu Pegawai Ko-Kurikulum Yayasan Islam Kelantan (YIK) En. Anuar bin Awang dan Pegawai Ko-Kurikulum Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) En. Wan Mohd Zain bin Wan Abdullah. 🍀



# Suami isteri main peranan bersama dalam mengukuhkan institusi keluarga



**KOTA BHARU** – 29 Jun 2011- Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) telah menganjurkan satu forum bertajuk “Suami sejati bapa mithali” bagi meningkatkan ilmu pengetahuan mengenai peranan suami isteri dalam menguruskan kehidupan rumahtangga. Seramai 200 anggota Kumpulan PKINK telah hadir termasuk Ketua Eksekutif, Timbalan Ketua Eksekutif, Pengurus-Pengurus Bahagian, Pengurus-Pengurus Syarikat Anak dan Pegawai.

Dua orang ahli panel yang dijemput khas ialah Ustaz Azariza Alawi dan Ustazah Wan Nur Azzam Pegawai Halaqat JAHEAIK, manakala moderator ialah Ustaz A. Ubaidillah Alias Pegawai Latihan PKINK. Kedua-dua ahli panel ini ternyata mempunyai pengalaman yang tinggi dimana kupasan mereka terhadap sesuatu isu di pentas berjaya mencuri perhatian audien semasa menyampaikan ceramah. Program yang bermula jam 10.00 pagi hingga 1.00 tengahari itu tidak disia-siakan oleh anggota dimana banyak persoalan telah diajukan.

Antara persoalan yang dibincangkan ialah mengenai tugas dan tanggungjawab seorang wanita atau isteri yang telah dikupas oleh Ustazah Wan Nur Azzam. Beliau menerangkan bagaimana untuk mencari seorang suami atau lelaki sejati dengan menerangkan beberapa tips yang penting. Seseorang wanita harus mempersiapkan diri mereka terlebih dahulu sebelum mencari suami yang baik, jujur dan mempunyai sifat mahmudah. Bagi seorang wanita, persiapan rohani amat dititik beratkan oleh ahli panel di mana firman Allah S.W.T Surah An-nur ayat 26 ‘bahawa laki-laki yang baik akan mendapatkan wanita-wanita yang baik dan begitu pula sebaliknya’.

Ustazah Nur Azzam juga menerangkan bagi lelaki pula, sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud **“Dinikahi**

**perempuan itu kerana 4 perkara, kerana hartanya, dan kerana keturunannya, dan kerana kecantikannya dan kerana agamanya. Maka pilihlah yang beragama, kelak kamu akan beruntung”** (Riwayat Bukhari & Muslim). Rasulullah menekankan diantara susunan yang penting itu baginda berpesan pilihlah yang beragama agar wanita atau bakal isteri tadi mampu menjaga diri dan sudah tentu apabila si isteri mampu menjaga diri keharmonian pasti akan tercapai.


Persoalan seterusnya dikupas Ustaz Azariza Alawi mengenai tanggungjawab siapa yang lebih penting suami atau isteri. Beliau mengulas skop tanggungjawab dilihat sama dan kedua-duanya sama penting tiada nilai tara yang memisahkan kerana tolong-menolong dalam amalan berumahtangga adalah perkara yang wajib. Suami dan isteri bertanggungjawab terutamanya kepada cahaya mata, manakala suami kepada isteri dan isteri kepada keperluan dan layanan terhadap suami. Ini merupakan rantai kitaran yang tidak boleh dinafikan kepada antara satu sama lain.

Sudah tentu seorang suami wajib menjaga nafkah kepada isteri dan anak-anak. Ia merupakan ibadat yang wajib perlu dilaksanakan sebagai kewajipan didalam rumahtangga. Sudah tentunya pahala kepada pemberi dan penerima akan dinilai oleh Allah S.W.T. Konsep nafkah itu sendiri sebenarnya merangkumi banyak kategori. Nafkah zahir dan batin daripada seorang suami kepada isterinya perlulah bertepatan dengan syarak iaitu halal. Mengembirakan seorang isteri ialah merupakan nafkah batin yang sangat penting dalam menjamin keseluruhan keperluan seorang wanita atau isteri.

Ustaz Azariza juga menegaskan seorang suami perlu mempunyai ilmu sebelum memegang jawatan suami. Konsep pelayaran sebuah bahtera pastinya memerlukan nakhoda yang

berhemah dan mampu menangani cabaran dan rintangan semasa pelayaran. Begitu juga suami, seandainya memimpin tanpa ilmu yang kukuh pastinya akan berlaku kacau bilau yang sangat menakutkan. Ini bakal mengundang episod penceraian, dan pengabaian terhadap anak-anak juga isteri. Justeru, seorang suami semestinya pandai mendidik seorang isteri dan anak-anak agar mereka taat dan menjadi insan yang soleh. Suami juga perlu bergaul dengan isteri dengan sebaik-baiknya agar setiap keakraban yang terjalin mampu menjadi tali rahsia di mata untuk mengikat mahabbah dalam perhubungan.

Kupasan seterusnya oleh Ustazah Nur Azzam mengenai tanggungjawab seorang lelaki terhadap emak dan isterinya. Suami wajib taat kepada ibu manakala isteri wajib taat kepada suami barulah kepada ibunya. Oleh itu, seorang isteri wajib membantu suaminya dalam mentaati ibu mertuanya itu serta memahami taraf dirinya berbanding ibu suaminya. Sekiranya mereka membelakangi ibu suami itu tadi mereka telah melakukan dosa besar.

Demikianlah, seorang wanita yang berkahwin dengan seorang lelaki maka secara automatik beliau akan menjadi anak kepada ibu lelaki tadi sampai akhir hayatnya walaupun bercerai hidup ataupun mati. Ini memerlukan kebijaksanaan suami tadi supaya menjelaskan kepada isterinya dan berterus-terang terhadap kedua-dua pihak. Suami dan isteri perlu mengelakkan mencari kelimahan masing-masing, ini merupakan racun tiupan syaitan agar ia akan menggoncangkan suasana bahagia serta menghakis persefahaman. Seorang suami wajib memegang isteri dengan agama dan tidak putus berdoa kepada Allah agar keluarga sentiasa bahagia. 



# BILA HATI DISELUBUNG KEMUNAFIQAN

Oleh Ustaz A. Ubaidillah bin Alias

**S**esedap manapun fantasi dunia, semuanya hanya sementara. Jangan sampai tertipu dan tersasar daripada matlamat sebenar. Sesukar manapun kehidupan, ia juga adalah medan ujian kepada hamba tuhan. Tidak ada yang sempurna dalam dunia ini. Malah semuanya akan teruji dan diuji oleh Allah SWT. Namun, jangan sampai kita lupa daripada mengingati Allah.

Firman Allah SWT dalam surah al-Ahzab: ***“Demisesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan Yang baik, iaitu bagi orang Yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)”*** (Surah al-Ahzab : Ayat 21)

Zikir atau mengingati Allah adalah kewajiban hamba tanpa mengira apa jenis kerja dan situasi. Sebaik sahaja kita membuka mata diwaktu pagi, kita perlu mengingati Allah. Justeru, kita perlu bersahabat dengan manusia yang hanya membantu kita mengingati Allah. Bukan berkawan dengan orang-orang yang menjauhkan kita daripada Allah. Memilih orang yang taat itu adalah sesuatu yang dituntut. Memilih orang fasiq menjadi kawan demi keseronokan adalah suatu maksiat. Adalah suatu kecelakaan apabila rakan-rakan kita itu termasuk dikalangan orang-orang munafiq dan meninggalkan solat.

Segelintir masyarakat masih sanggup melakukan perbuatan mungkar di saat orang lain sibuk bersolat. Sebagai contoh, masih ada sekumpulan manusia yang sanggup bersabung ayam dan berjudi pada hari jumaat. Mereka ini bukan sahaja tidak bersolat, malah mengisi masa solat itu dengan dosa-dosa besar. Sungguh orang-orang ini teramat jauh dari hidayah Allah. Begitu juga orang yang bekerja sebagai penjawat awam, jangan sampai mengabaikan solat kerana kerja yang datang bertali arus. Wajiblah dia mencelah walau sebentar untuk mengingati Allah.

Ada juga sesekali kedapatan orang yang berilmu, merasakan solat berjemaah itu ringan dan tidak perlu disegerakan mendapat takbiratul ihram bersama imam. Ada yang sengaja masuk saf

setelah imam berada di rakaat kedua dan ketiga. Malah, ada yang sengaja masuk di dalam tahiyat terakhir kerana tidak mahu berlama-lama di dalam solat. Ada juga manusia yang sanggup menukarkan waktu solatnya dengan bersukan. Ada pula yang sanggup menukarkan waktu solatnya dengan tidur. Ada pula yang sanggup menukarkan waktu solatnya dengan menonton televisyen dan berbuat maksiat. Alangkah ruginya.

Nabi SAW Bersabda : ***Solat seseorang secara berjemaah itu lebih baik daripada solat seseorang selama empat puluh tahun secara bersendirian di rumahnya.***

Seorang yang solat berjemaah dengan mendapatkan takbir pertama imam, seolah-olah dia telah bersolat selama 40 tahun secara bersendirian di rumahnya. 40 tahun itu menyamai dengan 72 ribu solat fardhu. Adakah mungkin kita menebus satu solat berjemaah yang lewat dengan mendirikan 72 ribu solat sebagai ganti? Tidak mungkin sama sekali! Justeru, adakah kita masih merasakan solat berjemaah itu ringan dan tidak ada apa-apa?

Jangan sesekali kita menyamakan pahala dengan dosa. Apatah lagi menganggap pahala itu sesuatu yang ringan dan tidak bermakna. Tidur lewat malam untuk menghabiskan beberapa helaian bacaan al-Quran tidak akan sama dengan berjaga lewat untuk bermain permainan video atau menonton filem. Bangun di waktu pagi dan bersiap-siap untuk ke masjid amat berbeza dengan bangun di waktu pagi untuk menonton perlawanan bola sepak piala dunia. Pahala dan kemaksiatan itu adalah dua perkara yang amat berbeza. Malah kesannya kepada jiwa sangat ketara. Apabila malam itu diisi dengan kebaikan, pasti subuh esoknya kita akan mempunyai kekuatan untuk berjemaah di masjid.





Setelah kita membuka mata dan membersihkan diri, dalam hening subuh kita berjalan menuju ke masjid. Kegelapan dan kedinginan yang membungkus jasad menjadikan kita terasa syahdu. Apabila tiba di masjid, terpancang saf-safnya yang kosong dan jemaahnya yang amat kurang. Kita akan merasa sayu, apatah lagi jika yang hadir hanya golongan tua. Di mana pula pemuda-pemuda kita? Adakah mereka tidak bangun diwaktu azan dilaungkan dan sewaktu Allah memanggil mereka untuk bersolat?

Siapakah orang beriman di kalangan kita? Sudah pasti, tiada sesiapa pun berani memberi jawapan itu secara terus. Kerana iman tidak mampu dilihat dengan mata kasar. Bagi orang yang mempunyai basiroh akan dapat mengesan keimanan itu menerusi bukti-bukti yang dijelaskan oleh agama. Malah kedapatan nas-nas yang sahih menjelaskan jenis amalan seseorang yang beriman. Sesungguhnya, saya juga turut merasakan kebimbangan apabila soalan ini diajukan kepada diri saya. Ia bukan suatu yang mudah untuk dijawab dan dijelaskan.

Dalam sebuah kawasan perumahan, terdapat di situ orang awam dan agamawan. Seringkali apabila tiba waktu bersolat maghrib dan isyak di surau kawasan tersebut, tidak pernah satu kalipun ditemui ustaz mahupun agamawan yang hadir berjemaah. Sehingga orang awam terpaksa menjadi imam di surau itu sekalipun bacaan tajwidnya kurang bagus.

Ke mana perginya ustaz dan agamawan di perumahan itu? Kenapa dibiarkan orang awam yang memimpin solat di surau itu? Lalu kita bersangka baik, barangkali ustaz tersebut bersolat di masjid lain atau perlu menyampaikan kuliah di tempat yang jauh. Namun, situasi itu menimbulkan satu kerisauan dalam diri. Adakah masjid ini akan terus dibiarkan tanpa ada seorang agamawan yang benar-benar mantap untuk memakmurkannya?

Pernah juga saya singgah di suatu masjid kecil. Apabila muazzin mengiqamatkan untuk menunaikan solat, maka ahli jemaahnya saling pandang memandang antara satu sama lain. Seolah-olah mereka mengharapkan salah seorang dari kalangan mereka naik mengimamkan solat. Saya perhatikan, tiada seorangpun pemuda di kalangan mereka yang hadir. Lalu saya menawarkan diri untuk menjadi imam. Setelah bersolat dan berdoa, saya bertanya kepada salah seorang ahli jemaah.

“Di sini tiada imam tetap?” Saya menyoal. Lalu dijawabnya, “Masjid ini kecil dan penduduk sekitar jarang ke sini. Maka tiada imam tetap yang memimpin solat berjemaah” jawabnya.

Saya bertanya lagi, “Tidak adakah ustaz atau orang-orang yang belajar agama datang ke sini?”

Pakcik itu menjawab, “Sebenarnya di kampung ini terdapat pemuda yang pulang belajar agama dari timur tengah, tetapi dia jarang ke masjid. Terdapat juga beberapa pemuda di kampung ini yang boleh menjadi imam, tetapi mereka tidak sempat ke masjid disebabkan kesibukan bekerja.” Jawab pakcik itu. Maka sudah pasti kita memahami situasi ini berlaku di banyak tempat. Ramai orang beragama yang disibukkan oleh dunia sehingga dia gagal menghadap Allah SWT dalam solat berjemaah.

Apakah Allah SWT akan memberi keringanan kepada mereka? Bahkan sepatutnya merekalah yang perlu diberi penekanan kerana lebih mengetahui hadis dan tuntutan agama



berbanding orang awam. Sepatutnya mereka yang menjadi pendahulu untuk memakmurkan masjid, bukannya orang yang sering mengabaikannya.

Saudaraku, Nabi s.a.w. bersaksi; “Jika kamu melihat seorang itu suka berulang-alik ke masjid, bersaksilah bahawa dia adalah orang yang benar beriman”.

Berulang-alik ke masjid itu merupakan satu piawai untuk melabelkan keimanan seseorang kepada Allah SWT. Keimanan itu tidak diukur dari status ustaz atau kepandaian, tidak dilihat pada kopiah mahupun jubah. Tetapi ia diukur dari sudut amalan dan istiqamah dalam berjemaah. Orang yang sempurna imannya dan mempunyai pertalian hubungan yang kuat dengan Allah SWT, pastilah tidak akan meremehkan setiap langkah dan usahanya menuju ke masjid.

Nabi Muhammad s.a.w. bersabda :

**Sesungguhnya solat yang paling berat ke atas orang munafiq ialah solat isyak dan solat subuh. Sekiranya mereka mengetahui apa yang terkandung di dalamnya, nescaya mereka akan mendatangnya sekalipun dalam keadaan merangkak, sungguh, aku ingin menyuruh orang melaksanakan solat, lalu solat itu dibangunkan. Kemudian aku perintahkan seseorang untuk mengimami solat secara berjemaah. Kemudian beberapa lelaki akan berangkat denganku membawa kayu api untuk mencari kaum yang tidak bersolat jemaah, lalu aku bakar rumah mereka.**

Sesungguhnya bukan mudah untuk kita membaca apa yang ada di dalam hati manusia, termasuk hati kita sendiri. Namun, Nabi Muhammad SAW telah meletakkan garis panduan bagaimana menilai keimanan dan kemunafiqan menerusi keterikatan dengan solat berjemaah. Sesiapa yang menjaga solat jemaah isyak dan subuh dengan istiqamah, bererti mereka termasuk di kalangan orang-orang yang dilindungi oleh Allah daripada sifat nifaq.

Semoga Allah melindungi kita semua daripada termasuk dikalangan orang yang tercicir dari rahmat Allah. Kerana ia merupakan satu kerugian dan kemaksiatan. Na'uzubillah min zalik! 🤲



# Kematian orang-orang soleh

Penulis asal Dr. Ali Al-Jubair (Pakar Bedah Jantung)  
Disunting oleh Ustaz A. Ubaidillah Alias

**D**oktor Jasmin al-Hadisyy seorang penasihat kesihatan jantung anak di ‘Amir Sultan Center untuk Penyakit Jantung’ Hospital Angkatan Bersenjata Riyadh, dia menceritakan kepadaku, “Salah seorang rakanku yang boleh dipercayai memberitahu kepadaku bahawa suatu malam saat dia sedang bertugas di hospital, ada seorang pesakit yang meninggal dunia. Maka dia segera memastikan akan kematian pesakit tersebut. Dia meletakkan stetoskop di atas dadanya hingga dia mampu mendengar suara, ‘Allahu Akbar, Allahu Akbar, Asyhadu Alla Ilaha Illallah...’”

Dia berkata, “Saya seperti mendengar azan subuh. Kemudian saya bertanya kepada jururawat, “Jam berapa sekarang?” Dia menjawab, “Jam satu malam.”

Saya tahu bahawa saat itu belum tiba lagi waktu azan subuh, kemudian saya kembali meletakkan stetoskop di atas dadanya dan saya kembali mendengarkan azan tersebut selengkapnya.

Saya bertanya kepada keluarga orang ini, tentang keadaannya semasa hidup. Mereka menjaslkan, “Dia bekerja sebagai muazzin pada sebuah masjid, biasanya dia datang ke masjid seperempat jam sebelum tiba waktunya atau kadang-kadang lebih awal lagi. Dia selalu mengkhatamkan al-Quran dalam tiga hari dan sangat menjaga lisannya dari kesalahan.”

\*\*\*\*

Tanggal lima belas Ramadhan 1421 H, seorang jemaah solat pengsan di masjid saat dia mengumandangkan iqamah solat subuh. Dengan segera tiga orang dari jemaah solat membawanya ke hospital Angkatan Bersenjata Riyadh.

Orang itu sedar saat mereka masih dalam perjalanan menuju ke hospital, tiba-tiba dia berzikir seakan-akan tidak pernah terjadi apapun.

Sesampainya di pintu masuk kecemasan, dia disambut

oleh seorang pemeriksa jantung yang menceritakan kisah ini kepadaku, “Kami menemukan adanya radang berbahaya yang parah sekali pada sebahagian besar jantungnya, kondisi itu membuatkan kami tercengang.

Saat saya berusaha untuk membawanya ke ruang ICU, tiba-tiba saya mendengar suara tasbih dan tahlil. Dan dia membisikkan sesuatu ke telinga salah seorang rakanku lalu tersenyum sambil membaca, ‘Asyhadu Alla Ilaha Illallah wa Asyhadu anna Muhammad Rasulullah.’ Lalu jiwanya terbang menuju keribaan Tuhannya.

Rakanku yang mendengar bisikan orang tersebut tiba-tiba menangis tersedu-sedu, aku kaget atas kejadian ini dan aku segera menanyakan keadaannya. Dia berkata “Orang ini telah membisikkan kepadaku, “Doktor! Usahlah anda menyibukkan diri anda, sungguh aku akan mati. Aku telah melihat syurga, insya allah aku akan segera menuju ke sana. Aku melihatnya sekarang, sungguh aku melihatnya.”

Saat orang ini ditanya tentang riwayat hidup orang yang telah meninggal ini, dia berkata, “Dia sangat menjaga dua perkara :

Pertama, dia dan muazzin selalu saling dahulu mendahului untuk datang ke masjid. Kadang muazzin mendahuluinya dan selalunya dia yang datang terlebih dahulu.

Kedua, dia tidak dikenali kecuali sebagai peribadi yang baik.



Allah Ta'ala telah menjaganya dari perbuatan keji dan mungkar, dia tidak pernah berbohong atau menghina orang lain.

Allah telah mencukupinya dan Allah telah menjaminnya. Sungguh kita tidak boleh memberikan syafaat apapun untuk sesiapa pun di hadapan Allah.

\*\*\*\*

Saya telah melakukan pembedahan pembuluh darah terhadap seorang pesakit yang berada di ruang bahagian jantung.

Sehari sebelum dia dibolehkan untuk pulang (kerana dalam perhitungan kami saat itu dia telah sembuh), dia memanggil anak-anak dan isterinya. Dia mengharapkan mereka segera hadir. Saat setelah semua mereka hadir dia berkata, "Aku akan meninggal sebentar lagi, maka maafkanlah aku."

Kemudian dia memanggil doktor dan para jururawat yang merawatnya untuk mengucapkan terima kasih kepada mereka. Dia berbaring di atas sisi kanannya seraya mengucapkan, 'Asyhadu Alla Ilaha Illallah wa Asyhadu anna Muhammad Rasulullah', dia telah kembali menghadap Tuhannya.

Saya bertanya kepada anak-anaknya tentang riwayat hidup ayah mereka, mereka menjelaskan "Ayah kami seorang yang baik, kami tidak pernah melihatnya menghina, berbohong, berbuat keji atau kemungkaran."

\*\*\*\*

Ketika masih duduk di bangku kuliah di Kairo Mesir, saya mengenal seseorang yang sangat taat kepada Allah. Dia mengajarkan al-Quran dan membimbing penghafaz al-Quran di kompleks tempat tinggalku. Selama bertahun-tahun dia tidak pernah terlambat untuk datang mengajar pada waktunya iaitu setelah solat subuh hingga terbit matahari.

Suatu hari dia mengucapkan selamat tinggal kepada semua yang hadir setelah menutup pelajarannya, seakan-akan dia tidak akan kembali mengajar kembali setelah hari itu. Hari itu juga, sebelum tiba saat zohor, kami mendapatkan berita tentang kematiannya pada jam sepuluh pagi.

Keesokan harinya kami mendapatkan kisah kematiannya berdasarkan cerita isterinya, "Sebagaimana biasa dia pulang ke rumah jam tujuh tiga puluh minit, dia mengucapkan salam kepadaku. Kemudian berkata, "Sesungguhnya, saya akan mati pada jam sepuluh," Sayapun mengirannya bergurau, lalu dia berkata, "Siapkanlah sarapan untukku." Saya menyiapkan sarapan, lalu kami menyantapnya berdua.

Pada jam lapan tiga puluh minit dia masuk ke kamar mandi, dia mandi agak lama. Kemudian dia keluar dan memakai wangian sebagaimana yang dia lakukan ketika hendak berangkat untuk

solat jumaat. Lalu dia memakai pakaian yang paling bagus dan mulai membaca al-Quran.

Beberapa minit sebelum jam sepuluh dia berkata, "Saya akan mati pada jam sepuluh, maka maafkanlah aku. Lupakanlah semua kesalahan dan kekhilafanku kepadamu."

Saya sangat terkejut sehingga tidak mampu mengucap apa-apapun, beberapa detik sebelum jam sepuluh dia bersiap-siap untuk tidur lalu membaca, 'Asyhadu Alla Ilaha Illallah wa Asyhadu anna Muhammad Rasulullah.' Lalu dia menghadapi Tuhannya.

\*\*\*\*

Sekarang perkenankan untuk saya menceritakan kepada anda tentang riwayat hidup seorang ini. Sungguh saya belum pernah melihatnya menghina orang lain, berbohong, menipu, berbicara kotor atau mungkar, sejak saya mengenalinya di kompleks itu.

Ada sebuah pertanyaan yang perlu untuk dijawab, berapa ramai orang-orang yang solatnya mampu mencegah dari perbuatan keji dan mungkar?

Allah Ta'ala berfirman : **"dan dirikanlah sembahyang (dengan tekun); Sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan Yang keji dan mungkar"** (Surah Al-Ankabut : Ayat 45)

Sayangnya kadangkala kita masih temui orang-orang yang menghina orang lain padahal dia belum keluar dari masjid.

Atau kadang dia menghina mahupun berbohong padahal dia masih berada di depan pintu masjid setelah selesai menunaikan solat.

Atau peniaga yang menipu pembelinya padahal baru sahaja dia menunaikan solatnya di masjid. Atau orang yang menzalimi orang lain atau bermuamalah dengan riba padahal dia termasuk orang-orang yang biasa membaca takbiratul ihram (Menunaikan solat).

Saudara-saudaraku! Sesungguhnya orang yang solatnya tidak mampu mencegahnya dari perbuatan keji dan mungkar, serta keburukan-keburukan lainnya berwujud kemaksiatan dan dosa, maka hendaklah dia mengintrospeksikan dirinya. Kerana disitulah kekurangannya, mungkin dia belum boleh melaksanakan solat sebagaimana sepatutnya. Atau dia tidak menunaikannya dengan khusyuk. Seandainya dia mampu merasakan keagungan solat lalu mendirikan sebagaimana sepatutnya, tentulah dengan izin Allah solatnya itu akan mencegahnya dari perbuatan keji dan mungkar.

Saudaraku yang mulia, sebelum cuba-cuba menghina, berbohong, menipu dan mengambil riba, ingatlah bahawa baru sahaja anda menunaikan solat di masjid. Semoga saja cara itu akan membantu anda dalam menahan diri, agar di hari kiamat nanti anda tidak termasuk orang-orang yang mufils.

Sungguh, semua ini terjadi atas kehendak Allah. Dia-lah yang menunjukkan kepada jalan kebenaran. 🌟

**Saudara-saudaraku!  
Sesungguhnya orang  
yang solatnya tidak  
mampu mencegahnya  
dari perbuatan keji dan  
mungkar, serta keburukan-  
keburukan lainnya  
berwujud kemaksiatan dan  
dosa, maka hendaklah dia  
mengintrospeksikan dirinya.**



# PKINK tawan Gunung Irau Cameron Highland

Oleh: Tuan Mohd Nor Tuan Yahya

**CAMERON HIGHLAND :** - Bagi memastikan kesihatan kakitangan syarikat dan anak syarikat sentiasa berada dalam keadaan sihat sepanjang masa, pelbagai aktiviti dijalankan oleh Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) termasuklah dengan mengadakan riadah melalui Kelab Sukan dan Kebajikan PKINK.

Menurut Pengerusi Biro Rekreasi kelab Mohd Rozi Mohd Noor, 49, perancangan awal telah diadakan bagi memberi pendedahan kepada peserta yang ingin mendaki Gunung Irau di Cameron Highland Pahang.

Sebelum ini seramai 40 orang ahli kelab telah berjaya mendaki Gunung Stong dan bagi kali ini dalam usaha menawan puncak Gunung Irau yang ketinggian 2110 Meter, seramai 46 peserta telah berjaya mendaki gunung tersebut baru-baru ini.

Gunung Irau yang merupakan sebuah gunung yang unik terletak di utara pekan Brinchang dan begitu popular dikunjungi pendaki pada setiap hujung minggu.

“Kita memilih gunung ini dalam ekspedisi kali ini adalah

kerana gunung ini merupakan sebuah gunung yang penuh berlumut ( mossy forest) dari lantai trek hinggalah ke puncak pokok. Dengan keadaan sebegini peserta berhadapan dengan cabaran yang tinggi untuk sampai ke puncak” ujar beliau lagi.

Rozi juga berkata pelbagai aktiviti telah diadakan oleh biro rekreasi kelab seperti mengadakan program kesihatan dengan mengadakan kursus asas pertolongan cemas dan CPR, di samping itu bagi merapatkan lagi hubungan ahli yang terdiri dari kalangan pekerja anak syarikat, ia juga akan diadakan program Mencandat Sotong pada Julai ini serta menahan pukat ikan.

“ Kita sedar dengan mengadakan pelbagai aktiviti, kakitangan PKINK akan mendapat faedah yang banyak bagi memastikan tahap kesihatan yang baik, melalui kesihatan yang baik ia akan melahirkan pekerja yang cergas sepanjang masa” katanya lagi.

Sebelum ke Cameron Highland, peserta ekspedisi turut dibawa melawat kawasan hutan kawalan yang terdapat bunga refflissia di Kampung Sungai Mengrod, Lojing Gua Musang. 🌸



# PKINK tawan Puncak Stong

Oleh: Tuan Hissam Tuan Mamat

**STONG** : Aktiviti lasak seperti pendakian mampu memantapkan mental dan fizikal dalam menguatkan stamina untuk lebih sihat.

Menyedari hakikat itu, seramai 19 ahli Kelab Sukan Dan Kebajikan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) menjayakan aktiviti lasak dengan menerokai gua yang terdapat di sekitar daerah ini, seterusnya pendakian menawan puncak Stong yang berketinggian 1422 meter pada 1 dan 2 April lalu.

Pengerusi Biro Rekreasi, Mohd Rozi Mohd Noor berkata, aktiviti lasak merupakan program tahunan kelab bagi menjayakan aktiviti luar, yang mana mampu memberikan kelebihan pengalaman buat ahli.

“Ekspedisi dua hari satu malam ini, adalah untuk latihan ahli-ahli kami kenali potensi diri serta kelebihan diri. “Ini kerana matlamat utama kami adalah ingin menawan Gunung Kinabalu, jadi ia merupakan latihan secara tidak langsung buat kami.

“Oleh itu, kita akan sentiasa aktif jayakan aktiviti lasak dengan menerokai tempat di sekitar negeri, ia adalah usaha berkesan untuk melahirkan individu yang cekal dan bermotivasi tinggi,” katanya.

Menurutnya, aktiviti tahunan itu akan diteruskan pada masa akan datang untuk memastikan kelab bersama ahlinya sentiasa aktif dalam menjayakan program pada masa lapang.

“Sebelum menawan Gunung Kinabalu nanti, kita akan terus giat berlatih bagi mengekalkan stamina diri,” katanya.

Katanya lagi, komitmen dan semangat yang ditunjukkan ahli terlibat juga membantu ekspedisi berjalan lancar dan seterusnya berjaya mengibarkan bendera PKINK di puncak tertinggi di negeri ini.

“Kita mahu menerusi aktiviti sebegini, mereka yang terlibat akan dapat bekerjasama dalam satu pasukan yang kuat,” katanya. 🙏





## Pasukan Futsal PKINK menang bergaya

Oleh: Tuan Hissam Tuan Mamat



**KOTA BHARU** : Pasukan Futsal Kumpulan PKINK berjaya menewaskan pasukan Pertubuhan Sukarelawan Hijau Kelantan (Green-V) dalam satu perlawanan persahabatan yang diadakan di Arena Futsal di sini pada 20 April lalu.

Perlawanan itu melibatkan tiga kategori iaitu ibu pejabat, anak syarikat dan campuran.

Dalam perlawanan pertama yang melibatkan kategori ibu pejabat, pasukan PKINK berjaya menewaskan pasukan Green-V dengan jaringan 3-1.

Namun, Green-V bangkit pada perlawanan kedua apabila pasukan keduanya berjaya mengikat pasukan PKINK dengan keputusan seri 1-1.

Kebangkitan PKINK berterusan apabila mereka berjaya menewaskan pasukan campuran Green-V dengan jaringan 3-2.

Kemenangan kedua itu membolehkan pasukan PKINK muncul pemenang keseluruhan.

Sementara itu, Setiausaha Green-V, Nasruddin Mahmud Muhaidin berkata, pihaknya berharap hubungan PKINK dan Green-V akan terus akrab melalui penyertaan sukan yang dianjurkan.

"Untuk itu, kami merancang untuk mengadakan lebih banyak lagi aktiviti-aktiviti sihat bersama pihak PKINK," katanya ketika berucap pada majlis penyampaian hadiah. 🍀

## Kejohanan Bowling Erat Kasih 2011



**KOTA BHARU** – Kejohanan Bowling sempena persaraan YB Dato' Seri Setia Raja Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan telah diadakan di Pacific Bowl, KB Mall pada Jun lalu. Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) bersama 40 agensi kerajaan telah menyertai kejohanan tersebut dalam kategori VIP Lelaki, VIP Wanita, Pengurusan & Profesional, Terbuka Trio Lelaki dan Terbuka Trio Wanita.

Dalam kategori VIP, PKINK telah diwakili Ketua Eksekutif dan Timbalan Ketua Eksekutif. Kategori lain ialah acara VIP Wanita, acara Pengurusan dan Profesional dan juga acara Trio Terbuka Wanita dan Trio Terbuka Lelaki.

Pasukan PKINK telah mendapat tempat ke 7 dalam kategori Pengurusan dan Profesional serta tempat ke 8 dalam acara Terbuka Trio Wanita. 🍀



## Sukan persahabatan antara PKINK dengan MPKB-BRI



**KOTA BHARU** – 23 April 2011 – Hubungan antara agensi atau Jabatan Kerajaan perlu dijalin dan dipereratkan bagi memastikan jalinan kerjasama dapat terus dirapatkan. Sehubungan itu, pihak PKINK telah mengadakan program sukan persahabatan dengan MPKB-BRI dalam beberapa acara seperti Badminton, Tenis, Ping Pong dan Kerom.

Kejohanan tersebut diadakan bertujuan untuk mengeratkan hubungan baik antara anggota PKINK dan MPKB yang mempunyai hasrat dan amanah yang sama, iaitu memaju dan memakmurkan Kelantan Darulnaim.

Dalam setiap permainan, penyertaan anggota Pengurusan adalah

diwajibkan. Acara Badminton dipertandingkan dalam acara 2 regu VIP, 2 regu terbuka dan 1 regu wanita. Acara tenis dipertandingkan dalam 1 regu VIP dan 2 regu terbuka, manakala acara ping pong dipertandingkan 1 regu VIP, 1 regu Eksekutif dan 3 regu terbuka dan dalam permainan kerom 1 regu VIP, 1 regu eksekutif, 1 regu wanita dan 2 regu terbuka.

PKINK berhasrat menganjurkan program serupa dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain termasuk agensi Persekutuan bagi meningkatkan kerjasama dan mengeratkan silaturrahim sesama agensi bagi memudahkan lagi urusan antara kedua belah pihak. 🤝





**Kota SPP WARISAN**

SELEHONG UTARA, TUMPAT  
KELANTAN DARUL NAIM

SAIZ LOT: 1

**Kota SPP WARISAN**

SELEHONG UTARA, TUMPAT  
KELANTAN DARUL NAIM

**RUMAH TERES  
2 TINGKAT  
JENIS A**



**RUMAH BANGLO  
JENIS A**



**Kota SPP WARISAN**

SELEHONG UTARA, TUMPAT  
KELANTAN DARUL NAIM

PELAN LANTAI

**RUMAH BANGLO  
JENIS B**



## *Kota Warisan Selehong Utara Tumpat Kelantan Darulnaim*

*Kediaman yang berkonsepkan ciri-ciri senibina Melayu telah dimodernkan dengan elemen kontemporari berimejkan gaya hidup golongan muda profesional masih mempunyai sifat kemelayuan yang mementingkan semangat kejiranan tanpa menghilangkan hak-hak privasi individu.*

Untuk Pertanyaan Atau Tempahan Sila Hubungi Terus :



**SPP DEVELOPMENT SDN. BHD. (17720-A)**

(Syarikat Kumpulan PKINK)

Tingkat 3, Bangunan Perbadanan Menteri Besar, Jalan Kuala Krai,  
15050 Kota Bharu, Kelantan.

Tel : 09-741 4515

HP : 012-928 1983 / 013-903 3752

emails : spp\_mrktg@yahoo.com